

PENCETUS MINDA KOPERASI NEGARA

INFO

BIL. 2/2023 ISSN 0127-0123



PEMBUKAAN PEJABAT IKMa TAWAU BUKTI KUSKOP BERI PERKHIDMATAN DI SELURUH NEGARA

Eksklusif

UUM Rangkul Johan
Pertandingan Debat
Koperasi

Perspektif

Ubah atau Rebah:
Tangani Tekanan Dalam
Kepimpinan Koperasi



Dari Meja

Ketua Editor



Salam hormat kepada para pembaca Majalah INFO yang budiman. Alhamdulillah majalah INFO seperti biasa masih menghadirkan informasi serta laporan program yang dijalankan IKMa sepanjang tahun 2023 melalui keluaran 2/2023 Majalah INFO. Tahniah dan syabas kepada semua penulis atas usaha yang tidak jemu dalam melaporkan aktiviti yang dijalankan demi tatapan para pembaca sekalian.

Menyingskap tahun 2023, IKMa telah berjaya melaksanakan pelbagai program yang strategik khususnya untuk mendidik masyarakat sekali gus mempromosikan koperasi di seluruh negara. Umumnya, peranan IKMa sebagai pusat latihan dan bimbingan koperasi bukan sahaja melatih warga koperasi, tetapi juga menyebarkan ilmu berkaitan koperasi kepada masyarakat umum agar

gerakan koperasi berupaya menjadi wadah dalam membantu rakyat memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup melalui aktiviti berkoperasi.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pelbagai usaha perlu dilaksanakan agar setiap masyarakat mendapat pendedahan yang terperinci mengenai kepentingan berkoperasi. Fokus juga bukan sahaja kepada golongan dewasa, tetapi ia perlu dibuat secara menyeluruh dengan penglibatan semua golongan termasuk belia. Mengambil pendekatan tersebut, IKMa dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) telah berjaya melaksanakan Pertandingan Debat Koperasi peringkat IPT Piala Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang julung kalinya dianjurkan oleh IKMa.

Objektif program ini diadakan adalah sebagai salah satu inisiatif dalam mempelbagaikan aktiviti melibatkan golongan belia untuk mencungkil bakat dan pandangan belia di peringkat yang lebih tinggi iaitu dari IPT bagi membangun dan memperkasakan koperasi di Malaysia. Program ini juga dilihat sebagai salah satu galakan kepada mahasiswa untuk melontarkan idea dan berkongsi pengetahuan tentang gerakan koperasi di Malaysia.

Justeru, Majalah INFO kali ini memfokuskan artikel bertajuk "UUM Rangkul Johan Pertandingan Debat" serta artikel "Pengukuhan Peranan IKMa ke Peringkat Akar Umbi melalui Penubuhan Cawangan Baharu. IKMa turut merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program anjuran IKMa pada tahun ini.

Akhir kalam, semoga para pembaca mendapat manfaat dan informasi berkaitan program yang dijalankan oleh IKMa sepanjang tahun 2023. Di kesempatan ini juga saya mewakili barisan editor ingin mengucapkan selamat tahun baharu 2024, semoga gerakan koperasi cemerlang sebagai wadah dalam membangun sosioekonomi anggota serta ekonomi negara.

Sekian.

Hamidah Mohd Jos

SIDANG EDITOR

Penasihat

YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

Ketua Editor

Hamidah Mohd Jos

Editor

Nor Aslamiah Ali
Nur Syazwani Zainul Abidin
Mohamad Suandi Mortadza
R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
Ju Samsuddin Safian
Norawati Ngatmin
Norafidah Ismail@Yaacob
Afizah Abdul Jalal
Maryam Hamidah Mohd Ghazi
Afiza Abdul Karim
Wan Nur 'Ain Wan Abd. Rahim
Nor Azmawati Hj. Mohd Shafii
Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Nazirah Baharudin
Julizah Sabstu
Nuur-Fadzillah Zullkepli
Norul Hayatie Hashim
Muhamad Shafiq Mohd Noor
Norfaezah Mahmood
Zaharatul Laili Zakaria

Urus setia

Sharepah Nur Azirah Shareh
Abd Rahman

Reka Bentuk dan Cetakan

Am Solutions Master
Tel : 0102252441
E-mel : amsprint@gmail.com

KANDUNGAN

EKSKLUSIF

- 4 Pembukaan Pejabat IKMa Tawau Bukti KUSKOP beri Perkhidmatan di Seluruh Negara
- 6 UUM Rangkul Johan Pertandingan Debat Koperasi

FOKUS

- 10 Mengupayakan Kelestarian Koperasi Melalui Penyelidikan
- 12 Kolokium 2023
- 14 Pemeraksanaan Koperasi ke Arah Pemantapan Sektor Agromakanan

PERSPEKTIF

- 15 Belia Madani: Koperasi Pilar Sosioekonomi Belia
- 17 Bengkel Pra Pelan Strategik Siri 3
- 17 Bengkel Pra Pelan Strategik Siri 4
- 18 Bengkel Fast: Penyediaan Belanjawan Koperasi
- 19 Kursus *In-House* Aplikasi Microsoft Excel Lanjutan Siri 5
- 20 IKMa Mempromosikan Perusahaan Sosial dalam Koperasi
- 22 *International Best Practices Webinar "Inspirational Leadership: Framework for Cooperative Excellence & Sustainability"*
- 24 Memperkasa Perusahaan Sosial dalam Kalangan Koperasi
- 26 Ekonomi Digital & Kelestarian: Amalan Terbaik Memacu Ekonomi Usahawan dan Koperasi
- 27 Kursus Perniagaan Koperasi Kakitangan ANGKASA
- 29 Bengkel Penyediaan Aturan Koperasi
- 30 Bengkel Penghasilan Produk Organik Kompos Sawit
- 31 Program Pembangunan Produk Melalui Rangkaian Airasia Grocer
- 32 Ubah atau Rebah: Tangani Tekanan dalam Kepimpinan Koperasi
- 35 Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara
- 37 Membina Jenama, Menjana Angka

- 38 Menerokai Keindahan Berkoperasi: Apa Manfaatnya?
- 40 Kursus Asas Pengurusan Koperasi Baru
- 41 Survival Koperasi: Pengurusan Bekalan dan Operasi Peruncitan
- 42 Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara

JARINGAN

- 44 Program *Asia Pacific Cooperative Youth Summit 4.0 (APCYS 4.0)*
- 47 Lawatan Rasmi Delegasi *National Co-operative Union of India* ke Institut Koperasi Malaysia
- 48 Lawatan Rasmi Delegasi IKOPIN University, Indonesia ke IKMa
- 50 Lawatan Kerja Ketua Pengarah IKMa ke Koperasi Terengganu dan Kelantan
- 52 Lawatan Kerja Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa ke Koperasi di Kemaman
- 54 Lawatan Delegasi Gwangmyeong City Council, Republic of Korea ke IKMa
- 55 Lawatan Delegasi Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Sutaatmadja, Subang, Jawa Barat, Indonesia ke IKMa
- 58 *Malaysian Community Engagement: Kerjasama Strategik IKMa dengan ANGKASA*

BERITA KAKITANGAN

- 60 Lawatan Puspanita Cawangan Kecil IKMa ke Rumah Sentuhan Budi, Petaling Jaya
- 62 Pertandingan Memasak "Jom Balik Kampung"
- 64 Lawatan Audit MAPIM ke IKMa
- 66 Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN)
- 67 Majlis Sekalung Budi IKMa 2023

68 GALERI



Pembukaan Pejabat IKMa Tawau Bukti KUSKOP Beri Perkhidmatan di Seluruh Negara

Mohammad Pisah Ali
pisah@ikma.edu.my

Mohd Alzaiery Abdul
alzaiery@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah
(Cawangan Tawau)

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah berjaya melaksanakan perasmian pejabat cawangan baharu di Daerah Tawau, Sabah pada 15 Julai 2023 yang lalu. Cawangan keempat IKMa yang beroperasi selepas IKMa Cawangan Terengganu, IKMa Cawangan Ipoh, IKMa Cawangan Miri dan kedua dirasmikan selepas IKMa Cawangan

Terengganu. Inisiatif perwujudan IKMa Cawangan Tawau ini membuktikan KUSKOP melalui agensinya, IKMa serius dalam menyebarkan penyampaian perkhidmatan ke peringkat akar umbi.

Majlis perasmian pejabat IKMa Cawangan Tawau telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri

Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Selain kehadiran YB Menteri KUSKOP, beberapa kenamaan dan pemimpin masyarakat turut hadir bagi memberikan sokongan dan memeriahkan sambutan iaitu YB Datuk Nizam bin Abu Bakar Titingan, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah merangkap ADUN N.68 Apas dan YB Tuan Lo Sui Fui Ahli



YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP menandatangani plak perasmian sambil disaksikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa.

Parlimen P.190 Tawau. Juga turut dihadiri YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, Ahli Lembaga Pengarah IKMa, TKSU kementerian, pemimpin masyarakat serta ketua-ketua agensi kementerian.

Terletak di lokasi yang strategik, iaitu di Plaza T2@Apas, sebuah bangunan komersial yang mudah untuk diakses oleh orang ramai. Beberapa pengisian perasmian telah berjaya disempurnakan seperti acara memotong reben sebelum memasuki ruangan pejabat diiringi

dengan bacaan doa selamat, lawatan persekitaran ruangan pejabat dan seterusnya dialog interaktif secara dalam talian antara YB Menteri bersama koperator Zon Pantai Timur Sabah. Acara menandatangani plak perasmian merupakan acara kemuncak sebelum YB Menteri mengadakan sidang akhbar di perkarangan majlis perasmian.

Sebagai usaha untuk melebarkan sayap IKMa di Pantai Timur Sabah, penubuhan Pejabat baharu IKMa ini dilihat dapat membantu para koperator khususnya

dari daerah ini untuk mendapatkan perkhidmatan latihan dengan kos yang lebih menjimatkan.

Dengan adanya pejabat baharu IKMa ini, menjadi harapan kementerian khususnya IKMa sendiri agar lebih ramai koperator dapat mengikuti program-program yang dianjurkan IKMa untuk meningkatkan pengetahuan dalam berkoperasi seterusnya membantu dalam melonjakkan ekonomi gerakan koperasi dalam negara.



Sesi dialog interaktif secara dalam talian YB Menteri KUSKOP bersama koperator.



Taklimat oleh Encik Mohd Pisah bin Ali, Ketua Cawangan IKMa Tawau kepada YB Menteri.



Sidang media bersama YB Menteri KUSKOP.



Lawatan sekitar pejabat baru IKMa Tawau.



Mohamad Haswardi Morshidi

haswardi@ikma.edu.my
 Pusat Pendidikan Tinggi

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) merupakan satu-satunya pusat latihan koperasi di Malaysia. IKMa komited menjadi pusat rujukan dan peneraju modal insan koperasi yang unggul pada masa hadapan serta mampu melahirkan ramai koperator yang terlatih, kompeten dan dinamik terutamanya daripada golongan belia & pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT). Sebagai salah satu usaha mempelbagaikan aktiviti melibatkan golongan belia untuk mencungkil bakat dan pandangan belia di peringkat yang lebih tinggi iaitu dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi membangun dan

memperkasakan koperasi di Malaysia, IKMa telah menganjurkan Pertandingan Debat Koperasi 2023 Peringkat IPT Piala Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM).

Pertandingan ini julung kalinya dianjurkan oleh IKMa dan majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan dan Keusahawanan, mewakili YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan

Inisiatif penganjuran pertandingan debat koperasi ini bukan sahaja manifestasi komitmen kerajaan untuk mempromosi koperasi semata-mata malah juga untuk memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia.



Sesi pendaftaran dan taklimat sebelum bermula pertandingan.

dan Koperasi (KUSKOP) bertempat di Auditorium Dato' Abdul Majid, Institut Koperasi Malaysia.

Objektif pertandingan debat koperasi peringkat IPT diadakan adalah bagi meningkatkan pengetahuan pelajar IPT yang juga pemimpin pada masa hadapan berkaitan isu-isu/dasar-dasar/polisi-polisi berkenaan gerakan koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa, meluaskan jaringan kerjasama antara IKMa dengan IPT di Malaysia, tidak kira awam atau pun swasta bagi membolehkan proses perkongsian ilmu, menggalakkan pelajar IPT untuk lebih berfikir terbuka, kritis dan celik akan pengetahuan umum khususnya menyentuh aspek gerakan koperasi dan bagaimana koperasi boleh membantu menjana ekonomi negara, melahirkan bakat golongan belia yang terdiri daripada pelajar IPT sebagai pelapis pembangunan negara melalui pembinaan keyakinan dan keterampilan diri terutamanya membina pengetahuan terhadap gerakan koperasi seluruh dunia amnya dan Malaysia khususnya, memupuk sifat kepimpinan dan semangat berkoperasi dalam kalangan pelajar IPT dengan mencungkil bakat dan potensi dalam pelajar IPT bagi

melahirkan graduan celik koperasi yang faham kepentingan koperasi serta bagi merealisasikan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021 - 2025 dalam menggalakkan belia berkecimpung dalam gerakan koperasi.

Pertandingan telah berlangsung selama tiga hari iaitu pada 27 sehingga 29 Oktober dan seramai 64 orang pendebat yang mewakili 11 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan lima Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Pertandingan ini memberikan ruang dan peluang kepada golongan belia IPT untuk menonjolkan diri dan melontarkan idea-idea baru secara berdebat untuk gerakan koperasi di Malaysia dengan bertemakan "Belia Madani Tonggak Pembangunan Gerakan Koperasi".

IPT yang menyertai pertandingan debat ini ialah Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Tenaga National (UNITEN), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Malaya (UM), Universiti Antarabangsa



Suasana hari pertandingan.

Islam Malaysia (UAIM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Poly-tech Malaysia (UPTM), Universiti Multimedia Malaysia (MMU) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Inisiatif penganjuran pertandingan debat koperasi ini bukan sahaja manifestasi komitmen kerajaan untuk mempromosi koperasi semata-mata malah juga untuk memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia. Pentas perdebatan ini berupaya menjentik minda khalayak global tentang pentingnya berkoperasi. Ini dapat dijadikan landasan oleh semua peserta untuk berkongsi idea yang kritis, terutamanya bagi memperkasakan bidang koperasi terutama kepada anak-anak muda generasi kita hari ini.

Pertandingan ini telah dimulakan dengan empat pusingan awal dan kemudiannya disusuli dengan pusingan suku akhir, separuh akhir dan akhir. Beberapa usul yang berkaitan isu semasa dalam gerakan koperasi telah dibawa ke dalam dewan persidangan. Usul-usul yang telah didebatkan adalah seperti di jadual di bawah.

Bil	Pusingan	Usul Debat
i.	Pusingan 1	Kriteria Pelantikan Anggota Lembaga Koperasi Perlu Dipertingkatkan
ii.	Pusingan 2	Bantuan Agensi Kerajaan Penentu Kejayaan Gerakan Koperasi di Malaysia
iii.	Pusingan 3	Koperasi Hanyalah Umpama Ceti Berlesen
iv.	Pusingan 4	Koperasi Kita Sudah Cakna Digital
v.	Pusingan Suku Akhir	Koperasi Masih Tidak Mendapat Tempat di Mata Masyarakat Malaysia
vi.	Pusingan Separuh Akhir	Koperasi Berjaya Melahirkan Usahawan Belia
vii.	Pusingan Akhir	Koperasi Pemangkin Pembangunan Sosioekonomi Madani

Semua pendebat yang menyertai pertandingan ini telah berjaya membawa hujah dan membidas hujah lawan mengenai usul yang dibawa ke dalam dewan persidangan dengan berdebat dengan bersungguh-sungguh dan sangat baik sepanjang pusingan awal sehinggalah ke pusingan akhir. Para hakim yang diwakili oleh Pengarah Kanan dan Pengarah IKMa serta hakim yang dilantik oleh pihak MADUM juga berperanan dengan sangat adil dan saksama dalam mengadili setiap pusingan persidangan yang berlangsung. Selain itu, Pegawai Latihan dan Setiausaha Kursus (SUK) masing-masing telah menjalankan tugas sebagai Yang Dipertua Dewan dan penjaga masa dengan cukup baik. Pada kali ini, setiap Warga IKMa daripada pelbagai pusat dan unit telah bersama-sama berganding bahu bagi memastikan pertandingan debat koperasi ini dijalankan dengan jayanya.

Untuk pertandingan julung kali diadakan ini, pasukan yang berjaya memasuki peringkat separuh akhir dan akhir



Sekitar majlis perasmian penutupan dan penyampaian hadiah.

menerima wang tunai, piala kemenangan serta sijil. Juara telah memenangi hadiah wang tunai RM8000. Naib johan sebanyak RM5000 manakala pasukan yang mara ke separuh akhir masing-masing memenangi wang tunai sebanyak RM2000. Hadiah kepada pendebat terbaik keseluruhan telah membawa balik wang tunai RM1000 manakala pendebat terbaik pusingan akhir telah dihadiahkan wang tunai sebanyak RM1500. Lain-

lain pendebat juga telah menerima sijil penghargaan masing-masing. Pada kali ini, pasukan juara telah membawa balik Piala Pusingan Pertandingan Debat Koperasi Peringkat IPT Piala Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi 2023. Seperti kelazimannya, setiap pertandingan pasti ada pemenangnya. Pasukan yang menjuarai pertandingan debat pada kali ini ialah Universiti Utara Malaysia. Naib Johan pula disandang

oleh Universiti Sains Malaysia. Manakala pasukan yang telah mara ke separuh akhir ialah Universiti Poly-Tech Mara dan Universiti Multimedia Malaysia. Untuk pendebat terbaik keseluruhan telah diberikan kepada Cik Nur Syahirah Balqis binti Shahrulnizam (UIAM) dan pendebat terbaik pertandingan akhir telah dianugerahkan kepada Encik Muhammad Hafizi bin Mohd Hanafi (USM).

Pertandingan debat koperasi 2023 telah berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan pengetahuan pelajar IPT tentang gerakan koperasi di peringkat nasional, memperluaskan jaringan kerjasama antara IKMa dengan IPT di Malaysia, dan melahirkan bakat golongan belia sebagai pelapis pembangunan negara melalui pembinaan keyakinan dan keterampilan diri. Usul-usul debat yang dipilih mencerminkan isu-isu penting dalam gerakan koperasi dan menunjukkan kepentingan koperasi dalam pembangunan sosioekonomi. Diharapkan agar penganjuran pertandingan seperti ini dapat dijadikan landasan oleh semua peserta untuk berkongsi idea yang kritis, terutamanya bagi memperkasakan bidang koperasi terutama kepada anak-anak muda generasi hari ini.

Walaupun program pertandingan debat koperasi 2023 ini telah dilaksanakan dengan jayanya, namun masih ada ruang untuk meningkatkan kesedaran tentang koperasi dalam kalangan masyarakat luas. Program kesedaran boleh diperkenalkan untuk menjangkau lebih ramai orang. Lebih banyak program yang melibatkan belia perlu diperkenalkan untuk memastikan mereka memahami dan menghargai nilai-nilai koperasi. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) boleh terus memainkan peranan yang lebih proaktif dengan golongan belia dengan



Johan – UUM



Pemenang Pendebat Keseluruhan

menganjurkan pertandingan debat ini lagi sebagai acara dua tahun sekali. Selain itu, kurikulum pendidikan koperasi perlu diperkukuhkan di IPT untuk memastikan pelajar-pelajar IPT mempunyai pemahaman yang baik tentang gerakan koperasi. Akhirnya, kerjasama yang lebih erat dengan Kementerian Pendidikan

Tinggi (KPT) dan agensi yang berkaitan seperti Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) boleh membantu dalam mempromosikan dan memperkasakan gerakan koperasi kepada belia yang merupakan pemimpin masa depan gerakan koperasi di Malaysia.



MENGUPAYAKAN KELESTARIAN KOPERASI MELALUI PENYELIDIKAN

Nur Anizah Aziz
 anizah@ikma.edu.my
 Pusat Penyelidikan

Sebagai sebuah entiti yang bertanggungjawab dalam menyebarkan ilmu pengetahuan koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sentiasa komited dalam usaha memperkasakan bidang penyelidikan yang berimpak dan berkualiti. Melalui penyelidikan, IKMa dijadikan sumber rujukan oleh gerakan koperasi di Malaysia selain boleh menjadi input kepada sesuatu dasar atau polisi yang dibangunkan berkaitan koperasi.

Penganjuran Seminar Penyelidikan Koperasi merupakan platform terbaik untuk berkongsi hasil kajian agar dapat merangsang pembangunan dan kecemerlangan koperasi, serta meningkatkan keupayaan modal insan koperasi. Seminar ini telah diadakan pada 6-7 Disember 2023 di Auditorium Dato' Abdul Majid, Institut Koperasi Malaysia, Petaling Jaya dengan tema "Mengupayakan Kelestarian Koperasi Melalui Penyelidikan".

Objektif utama seminar ini adalah mengenal pasti hasil kajian yang dapat memberi manfaat kepada gerakan koperasi, mewujudkan medan perbincangan ilmuwan mengenai isu dan cabaran yang dihadapi dalam gerakan koperasi, dan memperoleh idea-idea baharu untuk membentuk polisi dan perancangan yang praktikal.

Seramai 126 orang peserta terlibat dalam seminar ini yang terdiri daripada Pegawai Latihan dan Pegawai Pengurusan IKMa, Pegawai dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), dan Pensyarah Universiti (UiTM, USIM, UMS, USM).

Sebanyak 9 hasil penyelidikan berkaitan gerakan koperasi telah dibentangkan dalam seminar ini. Ia meliputi 4 pembentangan hasil penyelidikan



Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus (Timbalan Ketua Pengarah, PMI) mewakili YBrs. Tuan Haji Mohd Yahya bin Haji Mat Sahri (Pengerusi Lembaga Pengarah, IKMa) merasmikan penutupan seminar.



Sesi rumusan penggulungan seminar yang disampaikan oleh Cik Sharina binti Abdullah (Pengarah Kanan IKMa).



Pusat Penyelidikan, IKMa dipertanggungjawabkan sebagai urus setia seminar.

yang telah dijalankan oleh penyelidik IKMa sepanjang tahun 2022 dan 2023, 1 pembentangan penyelidikan doktor falsafah (PhD), dan 1 penyelidikan sarjana, serta 3 pembentangan hasil penyelidikan daripada pensyarah Universiti.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus (Timbalan Ketua Pengarah, Pembangunan Modal Insan, IKMa). Secara keseluruhannya, penganjuran Seminar Penyelidikan

Koperasi ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak dalam merangsang pembangunan koperasi, dan mencetus lebih banyak idea yang produktif.



Sekitar sesi pembentangan yang berlangsung.



Para peserta mengajukan soalan kepada para pembentang.



KOLOKIUUM 2023

Norul Hayatie Hashim
hayatie@ikma.edu.my
 Pusat Penyelidikan



Program perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa.

Pusat Penyelidikan (CR) telah menganjurkan Program Kolokium 2023 pada **5 - 6 Oktober 2023 bertempat di Hotel Dorsett, Putrajaya**. Program ini telah dihadiri seramai 96 orang Pegawai Latihan IKMa. Objektif program ini adalah berkongsi maklumat berkenaan amalan terbaik kisah kejayaan sesebuah koperasi serta mewujudkan medan perbincangan

ilmu mengenai kajian kes koperasi yang boleh memberi impak kepada gerakan koperasi. Sasaran peserta terdiri daripada Pegawai Latihan IKMa seluruh Malaysia termasuk Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Sabah, Zon Sarawak serta di cawangan iaitu Cawangan Terengganu, Cawangan Ipoh, Cawangan Tawau dan Cawangan Miri.

Program perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Dalam ucapan perasmian, beliau menyatakan penganjuran kolokium ini merupakan acara tahunan Institut Koperasi Malaysia sebagai medan perbincangan secara intelektual dan profesional bagi pegawai meningkatkan kemahiran dan kepakaran mengenai sesuatu isu dan fenomena berkaitan pembangunan koperasi.

Kolokium ini adalah program tahunan kali ke-16 yang merupakan perkongsian dan menyebarkan luas maklumat dan amalan terbaik koperasi oleh pegawai. Pegawai Latihan IKMa yang membuat kajian kes kejayaan koperasi berpeluang untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan yang diperoleh sepanjang penghasilan kajian kes tersebut. Kajian kes koperasi merupakan satu bentuk penulisan ilmiah yang dihasilkan bagi mengkaji keadaan sebenar koperasi dan mengambil manfaat daripada perkongsian maklumat



Sebahagian pembentang terdiri daripada Pegawai Latihan IKMa membentangkan hasil kajian kes koperasi.

dan pengetahuan yang diberikan oleh koperasi. Peluang tersebut dioptimumkan bagi mempelajari perkara-perkara berkaitan isu, cabaran dan amalan terbaik koperasi memandangkan ia merupakan topik yang sering dibincangkan oleh gerakan koperasi. Pegawai seterusnya berkongsi idea, maklumat dan pengetahuan yang diperolehi dengan pegawai latihan lain di pembentangan kolokium yang dijalankan. Melalui penganjuran kolokium ini maklumat koperasi yang berjaya dapat disebar luaskan.

Program kolokium merupakan platform yang terbaik kepada para pegawai untuk

berkongsi maklumat dan menggalakkan daya pemikiran kreatif yang tinggi dalam kalangan pegawai latihan dan gerakan koperasi di Malaysia. Tujuan utama perkongsian ilmu ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta cetusan idea baharu yang menyumbang manfaat kepada gerakan koperasi. Sebanyak 21 kisah kejayaan koperasi dalam negara telah dibentangkan dalam Program Kolokium ini. Selain itu, dua perkongsian daripada program lawatan luar negara telah dibentangkan oleh Cik Sharina binti Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian Dasar dan Strategi IKMa, dan

Dr. Zurita binti Mohd Saleh, Pengarah Pusat Antarabangsa. Kejayaan sesebuah koperasi dalam mentadbir pengurusan dan melaksanakan perniagaan wajar dikongsi sebagai rujukan dan panduan bersama selain memberi gambaran kepada pegawai latihan bagaimana sesebuah koperasi ditadbir dan sesuatu keputusan dibuat.

Melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan daripada pembentang, diharapkan program ini akan memberikan manfaat dan nilai tambah kepada pegawai latihan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada koperator.



Barisan urus setia iaitu Pusat Penyelidikan sebagai penganjur program Kolokium 2023 bergambar kenangan bersama Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus.



YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa bergambar kenangan bersama peserta program Kolokium di akhir program.

PEMERKASAAN KOPERASI KE ARAH PEMANTAPAN SEKTOR AGROMAKANAN

Abdul Hakim Zaidi

hakim@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur
(Cawangan Kuala Terengganu)

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah mendorong kerajaan menilai semula dasar semasa seiring dengan senario di peringkat global dan keperluan domestik. Oleh itu, bagi meneruskan pembangunan dalam sektor agromakanan, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) telah digubal sebagai usaha kerajaan menjamin sekuriti makanan melalui transformasi sistem makanan negara. Dasar ini mendukung aspirasi dan hala tuju sektor agromakanan negara untuk lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi. Ia bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat selain mengutamakan sekuriti serta nutrisi makanan negara.

Justeru, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur, Cawangan Kuala Terengganu dengan kerjasama Sektor Keberhasilan, Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan IKMa Petaling Jaya telah menganjurkan seminar "Pemeriksaan Koperasi ke Arah Pemantapan Sektor Agromakanan" pada 29 hingga 30 Ogos 2023 bertempat di Raia Hotel & Convention Centre Terengganu, Kuala Terengganu. Seminar yang berlangsung selama dua hari satu malam ini telah disertai oleh 134 orang peserta dari pelbagai koperasi khususnya koperasi yang menjalankan aktiviti yang berkaitan sektor agromakanan dan penyertaan koperasi sekolah dari seluruh Terengganu amat menggalakkan.



YBhg. Dato' Zulkepli Amin bin Mat Jusoh @ Yusof sedang memberikan taklimat.



Sesi pendaftaran seminar.



Sesi soal jawab bersama para peserta.

Program ini merupakan salah satu inisiatif IKMa dalam usaha bagi membincangkan amalan dan kaedah agromakanan yang terbaik bagi membantu koperasi dalam menjana dan meningkatkan pendapatan koperasi. Selain itu, ia dapat memberi pendedahan tentang pasaran dan penghasilan produk agromakanan bernilai tinggi yang mampu menampung permintaan pasaran serta menggalakkan pembabitan koperasi dalam sektor agromakanan seiring dengan hasrat dan DAN 2.0. Majlis Perasmian Penutup Seminar ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

Secara keseluruhannya, program ini mencapai objektif yang disasarkan serta memberi impak yang positif kepada peserta dalam memberi inspirasi untuk berjaya dalam sektor agromakanan dan peningkatan pendapatan koperasi. Justeru, penganjuran seminar ini diharap dapat menjadi satu titik permulaan kepada koperasi yang akan menceburi aktiviti ini dan secara tidak langsung dapat memungkinkan peranan koperasi dalam menjamin keselamatan makanan negara.

BELIA MADANI: KOPERASI PILAR SOSIOEKONOMI BELIA

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



Ucapan perasmian oleh Puan Najmah Haji Nawawi,
Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi.

Belia merupakan aset penting sebagai pemimpin masa depan koperasi. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), populasi belia Malaysia berumur antara 15 hingga 30 tahun pada 2022 adalah seramai 9.6 juta orang iaitu hampir 30 peratus daripada keseluruhan rakyat Malaysia berjumlah 32.6 juta. Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 7.1 peratus, dengan bilangan penganggur belia sebanyak 454,900 orang (Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Mac dan Suku Pertama 2023). Namun, penglibatan belia dalam sektor

koperasi masih rendah. Sehingga Jun 2022, statistik yang dikeluarkan oleh SKM menunjukkan sebanyak 205 buah koperasi belia dengan keanggotaan belia seramai 89,093 orang sahaja yang terlibat dalam sektor koperasi iaitu kurang dari 1 peratus jumlah belia di Malaysia. Pengangguran dalam kalangan belia amat membimbangkan selepas era pasca COVID-19. Koperasi boleh menjadi salah satu penyelesaian untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi belia, serta memperkasakan ekonomi tempatan dan negara. Namun, untuk mencapainya, sokongan daripada pelbagai pihak

amat diperlukan antaranya kerajaan, masyarakat dan swasta. Gerakan koperasi juga sudah pasti menikmati banyak manfaat dengan mempromosikan belia.

Justeru, dalam menggalakkan penglibatan belia dalam koperasi pada 10 Ogos 2023, Pusat Pendidikan Tinggi Institut Koperasi Malaysia telah mengadakan bicara ilmu secara dalam talian (Zoom) dengan tajuk "Belia Madani: Koperasi Pilar Sosioekonomi Belia" yang telah dirasmikan oleh Puan Najmah Haji Nawawi, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi, IKMa. Program ini berlangsung selama tiga jam bermula jam 9.00 pagi dengan kehadiran seramai 110 orang peserta.

Program bicara ilmu ini telah menjemput penceramah belia dengan dibahagikan kepada tiga sesi iaitu sesi pertama bersama Encik Usamah Zaid Shahrul Bashah, Pengurus Besar dan Dr. Muhamad Ali Ridha Said, Pengurus Projek Kesihatan dari Koperasi Santun YaPEIM Berhad. Sesi ini diadakan bagi mengupas keupayaan koperasi Santun YaPEIM Berhad dalam mengurus pentadbiran dan perniagaan koperasi yang memberi manfaat dalam meningkatkan ekonomi

koperasi, ahli dan masyarakat setempat serta pendekatan yang dilakukan oleh koperasi dalam menarik golongan belia bersama-sama menyertai aktiviti koperasi. Bagi sesi kedua, Encik Muhamad Asyraf Mahat, Pengerusi koperasi Usahawan MYOKU Selangor Berhad telah dijemput bagi berkongsi pengalaman dalam menguruskan koperasi yang ahlinya merupakan Orang Kurang Upaya (OKU). Bagi sesi ketiga, YBhg Dato' Haji Kamarudin Ismail, Anggota Lembaga dari ANGKASA juga dijemput bagi berkongsi

inisiatif dan peluang yang disediakan oleh ANGKASA kepada belia yang terlibat dalam koperasi.

Justeru, penganjuran bicara ilmu ini dilihat telah mencapai objektif program sebagaimana yang telah dirancang. Harapan agar program ini dapat memberi manfaat kepada golongan belia serta menarik lebih ramai belia untuk menyertai koperasi. Perkongsian pengalaman dan maklumat yang diberikan oleh

penceramah dapat memberi inspirasi dan motivasi kepada belia dalam membangunkan koperasi sebagai tonggak sosioekonomi. Semoga lebih banyak lagi program-program koperasi kepada belia serta lebih ramai lagi keterlibatan dan penyertaan belia dalam koperasi agar koperasi dapat diterajui oleh golongan belia dengan nafas baru di samping dapat menyumbangkan terbesar kepada ekonomi negara setanding dengan sektor yang lain.



Penceramah Encik Usamah Zaid, Pengerus Besar Koperasi Santun YaPEIM Berhad



Sesi 2 bersama Encik Muhamad Asyraf Mahat, Pengerusi Koperasi Usahawan MYOKU Selangor Berhad.



Sesi 3 bersama YBhg. Dato' Haji Kamarudin Ismail, Anggota Lembaga ANGKASA.



Para peserta bergambar kenangan usai program tamat.

BENKEL PRA PELAN STRATEGIK SIRI 3

Nazirah Baharudin
nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi

Pusat Perundingan Koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah mengadakan Bengkel Pra Pelan Strategik Siri 3 (Koperasi Polis Diraja Malaysia) pada 7 September 2023. Bengkel ini diadakan di Koperasi Polis Diraja Malaysia dan telah dihadiri seramai 11 orang wakil ketua bahagian Koperasi Polis DiRaja Malaysia. Bengkel ini dikendalikan oleh Pakar Perunding iaitu Puan Siti Zaleha binti Ismail bersama dengan Pusat Perundingan Koperasi.

Objektif bengkel ini untuk mengetahui setiap isu dan permasalahan yang dihadapi oleh setiap bahagian bagi



Bengkel Pra Pelan Strategik siri 3 KPDRM

membantu kelancaran bengkel pelan strategik koperasi yang akan diadakan pada bulan September dan Oktober 2023. Hasil daripada bengkel ini perlu diadakan satu bengkel Pra Pelan Strategik siri 4 bagi menganalisis penyata kewangan

koperasi termasuk penyata kewangan anak syarikat yang dicadangkan pada 11 September 2023 di Koperasi Polis Diraja Malaysia.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya dilaksanakan dan pihak koperasi berterima kasih atas keprihatinan pihak IKMa dalam memberi perkhidmatan perundingan kepada koperasi berkluster besar. Melalui perkhidmatan yang diberikan dapat mewujudkan hubungan yang baik antara pihak IKMa dan koperasi. Semoga kerjasama yang terjalin dapat memberi manfaat kepada gerakan koperasi.

BENKEL PRA PELAN STRATEGIK SIRI 4

Nazirah Baharudin
nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi



Perbincangan penyata kewangan KPDRM.

Bengkel Pra Pelan Strategik Koperasi Siri 4 telah diadakan pada 11 September 2023 anjuran Pusat Perundingan Koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Bengkel ini melibatkan bahagian kewangan Koperasi Polis Di Raja Malaysia (KPDRM) yang dianggotai oleh Puan Norazian binti Abdul Wahab selaku Ketua Bahagian Akaun. Seterusnya Puan Ainul Izzah binti Ahmad Marzuki, penolong eksekutif akaun dan

Puan Nor Hasmiza binti Zakaria, kerani kewangan. Bengkel ini dibimbing oleh dua orang pakar perunding iaitu Puan Siti Zaleha binti Ismail dan Puan Roslinda binti Kamaruddin. Serta, wakil Pegawai Latihan IKMa, daripada Pusat Kewangan dan Akaun (PKA) iaitu Puan Farahaini binti Mohd Hanif turut dijemput sebagai pegawai rujukan aspek kewangan koperasi.

Objektif bengkel ini untuk menganalisis penyata kewangan koperasi dan juga anak syarikat. Hasil analisis telah dibentangkan kepada Ketua Pegawai Operasi iaitu Puan Nazarhanim binti Mohamad Razak. Beliau bersetuju dan mengambil maklum dapatan yang diperoleh dan akan dibentangkan kepada Anggota Lembaga Koperasi dalam Mesyuarat Lembaga pada 27 September 2023. Beliau juga memaklumkan bahawa dapatan yang

diperoleh sangat membantu dalam pentadbiran anak syarikat. Seterusnya, beliau mencadangkan agar satu sesi perbincangan bersama ketua bahagian koperasi dan anak syarikat diadakan bagi membincangkan maklumat yang diperoleh untuk membantu kelancaran bengkel yang akan diadakan pada bulan September dan Oktober akan datang.

Secara keseluruhannya, bengkel ini berjaya dilaksanakan dengan bantuan dan kerjasama yang baik daripada semua pihak. Diharapkan Pusat Perundingan Koperasi (PRK) IKMa, terus mengorak langkah dalam membantu koperasi berkluster sederhana dan besar. Melalui kerjasama yang erat dapat memberi pengalaman yang berharga kepada pegawai IKMa dalam memberi bimbingan bagi membangunkan Pelan Strategik Koperasi berkluster besar.


BENKEL FAST: PENYEDIAAN BELANJAWAN KOPERASI



Julizah Sabstu
 julizah@ikma.edu.my
 Pusat Kewangan & Akaun

Belanjawan merupakan salah satu teknik perakaunan pengurusan dan hendaklah diteliti dengan baik semasa proses penyediaan daripada setiap Anggota Lembaga Koperasi (ALK) khususnya bendahari dan juga pihak pengurusan. Hal ini disebabkan belanjawan merupakan elemen penting selain penyata kewangan dan perlu dibentangkan serta diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT). Atas kesedaran akan kepentingan belanjawan dan permintaan koperasi menyebabkan Pusat Kewangan & Akaun, IKMa (PKA) bertindak untuk menjalankan bengkel penyediaan belanjawan koperasi melalui Program *Financial and Accounting Strengthening* yang dikenali sebagai Program FAST.

Bengkel ini telah dijalankan selama tiga hari yang bertempat di Best Western Hotel, Shah Alam bermula daripada 30 Mei sehingga 1 Jun 2023. Bengkel ini



Persembahan daripada Koperasi Permatang Nibung Pulau Pinang Bhd.

telah dihadiri oleh koperator dari lima buah koperasi dan melibatkan 18 orang wakil koperasi daripada beberapa kluster iaitu kluster kecil, mikro dan sederhana. Bengkel ini bukan sahaja dikendalikan oleh pegawai daripada PKA tetapi melibatkan juga tenaga pakar daripada Koperasi Sahabat AIM iaitu Encik Suhairy bin Mat Sari.

Perbezaan antara kursus berjadual yang dikendalikan setiap tahun dan

juga bengkel melalui Program FAST ini adalah melalui program seumpama ini koperasi secara khususnya dapat menyediakan belanjawan koperasi dan terus dapat dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga sebelum MAT berlangsung. Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjalan dengan lancar dan sambutan serta respons yang baik diterima daripada para koperator dari setiap koperasi.



KURSUS IN-HOUSE APLIKASI MICROSOFT EXCEL LANJUTAN SIRI 5

Nazirah Baharudin
nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi

Pusat Perundingan Koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah berjaya melaksanakan Kursus Aplikasi Microsoft Excel Lanjutan In-House siri 5 bagi Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad pada 12-13 September 2023 di makmal komputer atom IKMa. Kursus ini telah melibatkan seramai 23 orang peserta yang terdiri daripada bahagian kewangan koperasi, ar-rahnu, hartanah dan bahagian teknologi maklumat yang melibatkan penglibatan kakitangan Koperasi Felda Bhd seluruh Malaysia.

Penceramah yang terlibat mengendalikan kursus ini dijemput khas daripada Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Dua orang penceramah yang terlibat ialah

Puan Intan Nur Azreen binti Mohamad Radzi dan Puan Nor Aslamiah binti Ali. Objektif kursus ini adalah bagi memberi kefahaman berkaitan aplikasi lembaran elektronik MS Excel, menerangkan pemudah cara menggunakan lembaran elektronik MS Excel bagi mengira dan menganalisis data atau maklumat.

Kesimpulannya, kursus Microsoft Excel Lanjutan dapat membantu peserta dalam meningkatkan tahap prestasi kerja, menjalankan kerja seharian dengan lebih cekap dan efisien. Serta, kursus yang dijalankan ini mendapat maklum balas yang baik daripada peserta dan diharapkan diteruskan lagi pada masa akan datang.



Puan Aslamiah membantu peserta membuat latihan excel.



Puan Intan membantu peserta menyiapkan tugas.



IKMa MEMPROMOSI PERUSAHAAN SOSIAL DALAM KOPERASI

Mohammad Pisah Ali
pisah@ikma.edu.my

Mohd Alzaery Abdul
alzaery@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah
(Cawangan Tawau)

Bersempena dengan Majlis Perasmian Pejabat Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Cawangan Tawau, IKMa dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah mengadakan Program Bicara Ilmu: Memperkasa Perusahaan Sosial dalam kalangan anggota Koperasi dan Usahawan bertempat di Hotel Royale Borneo, Tawau pada 15 Julai 2023 yang lalu. Program ini diadakan sebagai nilai tambah kepada peserta dalam masa yang sama melengkapkan peranan IKMa sebagai sebuah institusi latihan dan pendidikan koperasi negara.

Objektif pengantjaran bicara ilmu ini adalah memberi kefahaman berkaitan perusahaan sosial dan peranan

perusahaan ini dalam menangani cabaran dan isu sosial, memberi pendedahan mengenai model perniagaan yang berteraskan penyelesaian inovatif terhadap isu-isu sosial dan alam sekitar, dan menggalakkan lebih banyak perusahaan sosial dan usahawan sosial diceburi oleh koperasi di Malaysia. Selain pembukaan pejabat baharu IKMa Cawangan Tawau, daerah Tawau juga menjadi lokasi pilihan kerana terdapat banyak perusahaan yang dibangunkan oleh masyarakat yang melibatkan komuniti setempat, individu dan koperasi yang melibatkan sosioekonomi masyarakat.

Seramai 292 peserta telah hadir mengikuti bicara ilmu ini dengan

penyertaan sebanyak 75 buah koperasi dan 13 usahawan telah direkodkan. Program bicara ilmu ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan kementerian, ketua-ketua agensi sekitar daerah pantai timur Sabah (Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau) serta beberapa orang tokoh masyarakat bagi mendapatkan informasi berkaitan perusahaan sosial.

Selain ceramah yang disampaikan oleh wakil kementerian, beberapa acara juga dilaksanakan sepanjang program berlangsung seperti pendaftaran terus ke dalam sistem yang dibangunkan oleh KUSKOP ke atas koperasi dan usahawan.

Melalui kaedah ini, ia akan dapat memberi keyakinan kepada masyarakat mengenai keseriusan kerajaan dalam membantu masyarakat dalam menangani cabaran sosioekonomi masa kini dan mendatang. Difahamkan sesi libat urus lanjut kepada koperasi dan usahawan terpilih akan dilaksanakan sebelum pengakreditasi perusahaan sosial oleh KUSKOP diberikan. Sebanyak lima buah koperasi telah dipilih oleh IKMa untuk turut serta di bawah program bimbingan bersasar IKMa. Semasa acara tersebut, YBM telah menganugerahkan sijil penyertaan kepada koperasi tersebut.

Terdapat juga acara pameran produk koperasi dan usahawan telah dipanggil bagi mengetengahkan produk masing-masing. YB Datuk Ewon Benedick telah mengambil kesempatan menyantuni usahawan dan koperasi dengan melihat sendiri produk yang dihasilkan. Selepas acara bicara ilmu disempurnakan, YB Datuk Ewon Benedick dibawa terus ke lokasi pejabat IKMa Cawangan Tawau bagi menyempurnakan pembukaan perasmian pejabat.



Ucapan perasmian bicara ilmu oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP.



Pembentangan oleh wakil KUSKOP.



YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa memberi ucapan aluan.



Para peserta bicara ilmu.



YB Menteri KUSKOP menganugerahkan sijil penyertaan koperasi bimbingan IKMa.



YB Menteri KUSKOP bersama koperator di pameran reruai.

International Best Practices Webinar “Inspirational Leadership: Framework for Cooperative Excellence & Sustainability”

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa



YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah, IKMa sewaktu merasmikan program webinar secara dalam talian.



Panel pertama webinar, YBhg. Datuk B. Sahadevan, Pengarah Urusan merangkap Setiausaha, National Land Finance Co-operative Society Limited (NLFCS), Malaysia.

Pusat Antarabangsa, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menganjurkan satu program Bicara Ilmu secara dalam talian bertajuk *Inspirational Leadership: Framework for Cooperative Excellence & Sustainability* pada 29 Ogos 2023 yang lalu. Objektif penganjuran program ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman pemimpin koperasi berkaitan kepimpinan berinspirasi yang mempunyai hubungan signifikan dengan kecemerlangan dan kelestarian koperasi daripada perspektif koperasi di beberapa buah negara seperti Malaysia, Mauritius dan Indonesia.

Webinar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Seramai 170 orang peserta yang menyertai program ini terdiri dari dalam dan luar negara seperti Malaysia, Philippines, Mauritius, Uganda, Indonesia, Nepal, Ghana, Algeria yang hadir secara dalam talian melalui platform aplikasi Zoom Meeting. Moderator program bagi webinar ini adalah Tuan Haji Zaharuddin bin Alias, Pengerusi, Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA), selaku seorang yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang koperasi.

Satu kelainan program pada kali ini di mana webinar telah dijalankan secara konsep forum yang membariskan seramai tiga orang panel yang diundang khas yang berlatarbelakangkan kepimpinan dalam koperasi.

Panel pertama ialah YBhg. Datuk B. Sahadevan, Pengarah Urusan merangkap Setiausaha, National Land Finance Co-operative Society Limited (NLFCS), daripada negara Malaysia.

Panel kedua ialah Cik Hely Herlina Ayudia, Ketua, Koperasi Konsumen Bina Usaha


Mandiri Indonesia (BUMI), Indonesia dan Panel ketiga adalah Encik Sachin Sookna, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), daripada Mauritius Co-operative Agricultural Federation Ltd, Mauritius.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar dan berjaya. Malahan telah menerima maklum balas yang positif daripada para peserta di peringkat antarabangsa. Pusat Antarabangsa mengharapkan agar ilmu


dan maklumat yang diperoleh sepanjang berlangsungnya program ini dapat dimanfaatkan sebaiknya di peringkat dalam negara bagi peserta di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.



Panel kedua webinar Cik Hely Herlina Ayudia, Ketua, Koperasi Konsumen Bina Usaha Mandiri Indonesia (BUMI), Indonesia.



Panel ketiga webinar Encik Sachin Sookna, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), daripada Mauritius Co-operative Agricultural Federation Ltd, Mauritius.



Para peserta yang hadir ke program *International Best Practices Webinar "Inspirational Leadership: Framework for Cooperative Excellence & Sustainability"*.



MEMPERKASA PERUSAHAAN SOSIAL DALAM KALANGAN KOPERASI

Nur Shuhada Hj. Mohd Ali
 nurshuhada@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah dengan kerjasama Bahagian Dasar Dan Strategi (BDS) telah menganjurkan program Bicara Ilmu yang bertajuk "Memperkasa Perusahaan Sosial dalam kalangan Koperasi" di Hotel Casuarina @ Meru Ipoh, Perak pada 13 September 2023. Objektif utama program ini untuk memberi pendedahan tentang perusahaan sosial, memupuk minat masyarakat dan organisasi yang terlibat dalam aktiviti perusahaan sosial khususnya entiti koperasi.

Program ini telah dirasmikan oleh Puan Salbiah binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat,

Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Perak dan turut dihadiri oleh Encik Azizul bin Alias, Setiausaha Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan (TKPMI), pengarah-pengarah kanan dan pegawai IKMa yang terlibat. Jumlah peserta yang hadir pada program ini adalah seramai 182 orang. Selain itu, program ini melibatkan penyertaan langsung dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang mengendalikan Taklimat

Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 (SEMy2030) dan Tatacara Permohonan Penarafan Perusahaan Sosial oleh Encik Ammar bin Abd Halim, Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Keusahawanan Inklusif. Seterusnya peserta terlibat dengan Bengkel Pendaftaran Perusahaan Sosial (SE) yang dikendalikan oleh Puan Siti Akilah binti Ismail, Penolong Setiausaha Seksyen Keurusetiaan Strategik dan KPI.

Menerusi program ini, diharap lebih banyak perusahaan sosial dan usahawan sosial dapat dilahirkan bagi membantu pihak kerajaan dalam menyelesaikan isu dan permasalahan sosial secara terangkum dan menyeluruh. Tambahan



YB Puan Salbiah binti Mohamed merasmikan program mewakili Menteri Besar Perak.



Taklimat daripada Encik Ammar bin Abd Halim.

pula, melalui pendedahan dan kesedaran yang diberikan oleh KUSKOP, para peserta dapat memahami kepentingan perusahaan sosial dalam mendepani cabaran dan isu-isu sosial dan alam sekitar sekali gus menggalakkan peserta untuk menerapkan model perniagaan yang berteraskan penyelesaian inovatif dalam aktiviti koperasi dan berupaya

didaftarkan dalam *Social Enterprise* (SE) Asas.

Penghargaan terima kasih kepada pegawai yang telah hadir dalam usaha dan kerjasama menjayakan program ini. Secara keseluruhannya, program ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada agensi dan semua

peserta yang hadir. Semoga program ini dapat menggalakkan para peserta untuk menerapkan model perniagaan yang berteraskan penyelesaian inovatif terhadap isu-isu sosial dan alam sekitar bagi menyokong Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) dan Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 (SEMy2030).




Penyerahan cenderahati kepada perasmii.

EKONOMI DIGITAL & KELESTARIAN: AMALAN TERBAIK MEMACU EKONOMI USAHAWAN DAN KOPERASI

Nor Fatimah Yahya

norfatihah@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah
(Cawangan Ipoh)



Program **Bicara Ilmu** bertajuk "Ekonomi Digital & Kelestarian: Amalan Terbaik Memacu Ekonomi Usahawan dan Koperasi" telah diadakan pada 20 Oktober 2023 yang lalu secara dalam talian (Google Meet). Program ini merupakan anjuran Institut Koperasi Malaysia Cawangan Ipoh (Zon Tengah) dan telah dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Program ini telah dihadiri seramai 160 orang peserta dari seluruh Malaysia.

Objektif utama program ini diadakan untuk memberi pengetahuan berkaitan peranan teknologi digital dan kepentingan dalam memacu kelangsungan perniagaan koperasi. Program ini telah menjemput tiga orang operator yang menjalankan perniagaan menggunakan teknologi untuk berkongsi ilmu dan pengalaman

serta memberi inspirasi dan motivasi dalam membangunkan koperasi.

Sesi pertama adalah perkongsian daripada Encik Dickson Foo dari Koperasi Usahawan Internet Malaysia Berhad dengan tajuk "Peranan Teknologi Digital dalam Memacu Sektor Perniagaan Koperasi", kemudian sesi kedua diteruskan dengan perkongsian oleh Encik Mohd Helmi bin Mohamad Razi dari Koperasi Agro Ternak Melayu Perak yang bertajuk "Menerokai Peluang Aplikasi IoT dalam Perniagaan". Seterusnya, sesi yang terakhir adalah perkongsian oleh Encik Rafiq Sharman bin Khamis @ Roslee dari Koperasi Bekas Pelajar Sekolah Izzudin Shah Ipoh Berhad dengan tajuk "Adaptasi Solusi IR 4.0 dalam Kelestarian Perniagaan".

Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah

Pembangunan Modal Insan, IKMa. Inti pati ucapan perasmian ini turut menyatakan hasrat kepada koperasi untuk meningkatkan dan mementingkan pendigitalan koperasi serta menjadi koperasi yang berdaya tahan.

Akhir kata, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang meriah daripada gerakan koperasi. Diharapkan dengan perkongsian yang disampaikan oleh para pembentang dapat memberi manfaat dan membuka ruang serta peluang kepada warga koperator yang hadir untuk terus menerokai peluang perniagaan dan pasaran baru melalui sektor selain daripada sektor yang telah diceburi dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi anggota dengan mengaplikasikan teknologi digital sebagai medium akses kepada pasaran dan pemangkin kepada kelestarian perniagaan koperasi di peringkat global.

KURSUS PERNIAGAAN KOPERASI KAKITANGAN ANGKASA

Muhamad Shafiq Mohd Noor
shafiq@ikma.edu.my
Pusat Pembangunan Koperasi

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melalui Pusat Pembangunan Koperasi (PPK) telah mengadakan satu program kerjasama dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) untuk semua kakitangan ANGKASA iaitu lebih kurang 800 orang daripada peringkat atasan hingga ke peringkat bawahan menerusi kursus perniagaan koperasi. Objektif kursus ini diadakan adalah memberi kefahaman kepada kakitangan ANGKASA tentang perniagaan koperasi dan elemen penting dalam perniagaan. Selain itu juga, kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pendidikan mengenai koperasi

agar semua lapisan kakitangan dapat memahami konsep dan definisi koperasi itu sendiri dalam menjalankan perniagaan koperasi. Kursus ini juga merupakan salah satu sasaran tahunan bagi setiap kakitangan untuk menghadiri kursus sepanjang tahun.

Bagi tahun 2023, sebanyak 10 sesi kursus perniagaan koperasi telah dirancang dan seramai 50 orang kakitangan yang hadir bagi setiap sesi yang dijalankan. Kursus perniagaan koperasi ini dimulakan dengan sesi yang melibatkan pengurusan tertinggi peringkat atasan ANGKASA iaitu dihadiri oleh pengurus-pengurus besar,

pengurus kanan, pengurus ANGKASA Negeri, pengurus dan penolong pengurus dari pelbagai bahagian di ANGKASA. Kursus ini telah diadakan pada 11 Julai 2023 bertempat di Dewan Auditorium Abdul Majid, Institut Koperasi Malaysia, Petaling Jaya, Selangor. Dengan penglibatan dan komitmen daripada pengurusan tertinggi ANGKASA dalam penyertaan kursus perniagaan koperasi ini akan memberikan galakan dan dorongan kepada kakitangan yang lain untuk menghadirinya dalam sesi yang seterusnya.



Aktiviti di dalam kelas bersama dengan penceramah.

Sesi seterusnya berlangsung pada 24-25 Julai 2023, 21-22 Ogos 2023 dan 19-20 September 2023 bertempat di Bilik Bunga Raya, Institut Koperasi Malaysia, Petaling Jaya, Selangor dan dihadiri oleh pengurus, penolong pengurus dan pengurus negeri daripada pelbagai bahagian di Ibu Pejabat dan negeri seluruh Malaysia. Bagi kakitangan ANGKASA yang berada di Sabah dan Sarawak, dua kursus tersebut dijalankan secara serentak pada 26-27 September 2023 bertempat di Cawangan IKMa di Zon Sabah dan Zon Sarawak. Ia menunjukkan komitmen yang baik ditunjukkan oleh pihak ANGKASA untuk memastikan semua lapisan kakitangan ANGKASA di seluruh Malaysia dapat memahami konsep perniagaan koperasi dan ulang kaji semula mengenai falsafah, prinsip serta nilai-nilai dalam koperasi. Beberapa sesi pada bulan Oktober telah dirancang dan akan disambung lagi pada tahun hadapan bagi mencapai sasaran peserta kepada semua kakitangan ANGKASA di seluruh Malaysia.

Hasil maklum balas yang diterima sepanjang kursus ini berlangsung telah mendapat maklum balas yang positif dan sesuai diadakan setiap tahun bagi memastikan kakitangan ANGKASA memahami dengan baik mengenai konsep perniagaan koperasi dan sedikit sebanyak dapat membantu pengurusan tertinggi ANGKASA dalam merangka perniagaan-perniagaan yang boleh membantu meningkatkan pendapatan koperasi-koperasi di seluruh Malaysia. Selain itu juga, kursus ini dapat memupuk semangat kerjasama antara kakitangan ANGKASA dalam membuat perancangan dan pelaksanaan sesebuah perniagaan koperasi dan menyemai nilai-nilai koperasi dalam setiap kakitangan agar perniagaan koperasi tersebut dapat dilaksanakan dengan baik, telus dan memberi manfaat kepada koperasi-koperasi di bawah ANGKASA.



Barisan peserta Kursus Perniagaan Siri 1 (11-12 Julai 2023).



Barisan peserta Kursus Perniagaan Siri 2 (24-25 Julai 2023).



Barisan peserta Kursus Perniagaan Siri 3 (21-22 Ogos 2023).

Peserta yang terlibat dalam Bengkel Penyediaan Aturan Koperasi.

BENGGKEL PENYEDIAAN ATURAN KOPERASI

Nur Yazira Hamsan

yazira@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Melaka telah menganjurkan satu Bengkel Penyediaan Aturan pada 20 hingga 21 September 2023 di Hotel Amverton Heritage, Melaka. Program yang telah berlangsung selama dua hari ini telah dihadiri seramai 43 orang peserta dari 20 buah koperasi di sekitar negeri Melaka.

Objektif program ini adalah membantu peserta memahami peruntukan undang-undang berkaitan dengan aturan koperasi dan memberi pendedahan tentang prosedur dan teknik penyediaan aturan koperasi. Sebanyak 27 jenis aturan telah berjaya dihasilkan oleh koperasi antaranya ialah aturan sewaan bangunan, aturan perniagaan coopmart, aturan jualan baja, aturan kebajikan am dan lain-

lain. Selain objektif utama itu, program ini juga dapat mengeratkan hubungan antara SKM, IKMa dan juga koperasi.

Majlis penutupan program telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah SKM Negeri Melaka iaitu Encik Mohd Fadzli bin Che Rus. Antara pengisian ucapan beliau, aturan aktiviti sangat penting untuk menyatakan dengan jelas terma dan syarat bagi aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah koperasi. Aturan juga dapat memastikan setiap aktiviti dilaksanakan mengikut dasar yang diperuntukkan dalam undang-undang dan dapat mengelakkan penyelewengan. Beliau berharap agar setiap koperasi di negeri Melaka mempunyai aturan aktiviti bagi memastikan tuntutan perundangan ini dipenuhi seperti yang termaktub dalam Undang-undang Kecil Koperasi.

Ucapan penutup yang disampaikan oleh Encik Mohd Fadzli bin Che Rus, Timbalan Pengarah SKM Negeri Melaka.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar dan telah mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta serta berjaya mencapai objektifnya. Bagi pihak IKMa Zon Selatan, diharap ilmu dan maklumat yang diperoleh oleh para peserta sepanjang mengikuti program ini dapat memberi manfaat khususnya tentang betapa pentingnya aturan bagi sesebuah koperasi untuk menjalankan aktiviti mengikut perundangan yang telah ditetapkan. Peranan semua pihak terutama ALK dan pengurusan penting untuk memastikan dokumen aturan koperasi berjaya diwujudkan dan digunakan sebagai panduan dalam menjalankan aktiviti koperasi dengan lebih cekap dan berkesan.

BENGGKEL PENGHASILAN PRODUK ORGANIK KOMPOS SAWIT

Nur Fatin Shazwani Ahmad

nurfatinshazwani@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak



Sebahagian daripada peserta yang hadir.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak telah menganjurkan Program Bengkel Penghasilan Produk Organik Kompos Sawit dengan kerjasama pihak Felcra Niaga Sdn Bhd pada 27 – 28 Julai 2023. Program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai potensi produk organik daripada kompos sawit serta memberi kefahaman berkenaan kepentingan untuk menghasilkan produk. Program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan berkenaan potensi produk organik daripada kompos sawit dan memberi kefahaman berkenaan kepentingan untuk menghasilkan produk-produk organik sebagai inisiatif kepada perniagaan koperasi.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan berkenaan potensi produk organik daripada kompos sawit dan memberi kefahaman berkenaan kepentingan untuk menghasilkan produk-produk organik sebagai inisiatif kepada perniagaan koperasi. Di akhir program ini, peserta program akan memahami mengenai kepentingan untuk menghasilkan produk-produk berasaskan organik dan mendidik masyarakat untuk lebih giat menghasilkan produk pertanian melalui penggunaan baja organik untuk memberi kefahaman kepada peserta mengenai konsep dan kaedah pembangunan produk serta kepentingan persediaan pembangunan produk bagi tujuan pemasaran.

Seramai 37 orang peserta yang terdiri daripada anggota koperasi termasuk individu yang berminat telah menghadiri program ini. Koperasi yang telah hadir ialah Koperasi Bela Rakyat Opar Bau Lundu Berhad, Koperasi Pembangunan Masyarakat Melayu Berhad, Koperasi Kariah Masjid Bandar Sri Aman Berhad, Koperasi Sara Bamboo Kuching Berhad, Koperasi Usahawan Telaga Air Kuching Berhad, Koperasi Sawit Mampan Sri Aman Berhad, Koperasi Peserta Felcra Kawasan Belimbing Kuching Berhad, Koperasi Persatuan Pesara Kerajaan Sarawak Berhad dan Koperasi Bidayuh Kuching Berhad. Manakala agensi yang terlibat dalam program ini ialah IKMa Zon Sarawak dan Felcra Niaga Sdn Bhd.

Melalui program seumpama ini, peserta didedahkan dengan beberapa potensi produk organik daripada kompos sawit yang boleh dikomersialkan dan memahami akan kepentingan menghasilkan produk-produk organik sebagai kaedah gantian dan menjadi inisiatif kepada perniagaan koperasi. Melalui program ini juga, produk keluaran koperasi dan peserta juga telah dikenal pasti untuk dijenamakan sebagai satu inisiatif koperasi dan pihak Felcra Niaga Sdn. Bhd. untuk membawa hasil kompos sawit bagi memenuhi permintaan semasa pertanian dan perladangan.

Antara produk koperasi yang telah dikenal pasti dan ada kerjasama lanjutan ialah produk baja organik kompos sawit daripada peserta Koperasi Kariah Masjid Bandar Sri Aman Berhad di mana produk koperasi ini menepati kriteria pemilihan produk oleh pihak Felcra Niaga Sdn Bhd. Selain itu juga, kerjasama strategik juga bakal dilaksanakan bersama Koperasi Penanam Sawit Mampan Sri Aman Berhad melalui hab pengumpulan kompos sawit. Menariknya, program ini membuka mata ramai pihak mengenai permintaan terhadap kompos sawit adalah tinggi sebagai kaedah gantian kepada baja sedia ada berikutan kenaikan harga baja masa kini.

Setinggi – tinggi penghargaan pihak IKMa Zon Sarawak zahirkan kepada penceramah daripada pihak Felcra Niaga Sdn. Bhd, Encik Asmawi bin Awang di atas segala perkongsian bermanfaat yang dikongsi kepada para peserta yang hadir. Diharap melalui program seumpama ini, IKMa mampu membantu untuk membawa produk koperasi yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai salah satu usaha membantu koperasi menjana lebih pendapatan yang sekali gus memanfaatkan anggota dan masyarakat setempat.

PROGRAM PEMBANGUNAN PRODUK MELALUI RANGKAIAN AIRASIA GROCER

Nur Fatin Shazwani Ahmad

nurfatinshazwani@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak telah menganjurkan Program Pembangunan Produk Melalui Rangkaian Airasia Grocer dengan kerjasama pihak Airasia grocer. Program ini dilaksanakan untuk memberi kefahaman kepada peserta mengenai konsep dan kaedah pembangunan produk serta kepentingan persediaan pembangunan produk bagi tujuan pemasaran. Objektif utama program ini adalah memberi pendedahan kepada peserta mengenai konsep dan kaedah pembangunan produk serta memberi kefahaman mengenai kepentingan persediaan pembangunan produk bagi tujuan pemasaran.

Di akhir program ini, peserta akan dapat memahami konsep dan kaedah pembangunan produk dan mengaplikasikan kaedah yang khusus dalam membangun produk bagi tujuan pemasaran dalam rangkaian Airasia grocer. Seramai 19 orang peserta yang terdiri daripada anggota koperasi termasuk individu yang berminat telah menghadiri program ini. Koperasi yang telah hadir adalah Koperasi Mamacare Sarawak Berhad, Koperasi Kampung Telian Mukah Berhad, Koperasi Kluster Koko Sarawak Berhad dan Koperasi Mahabbah Pertanian Moden. Manakala agensi yang terlibat dalam program ini ialah IKMa Zon Sarawak dan Airasia grocer.

Menerusi program seumpama ini, peserta memahami konsep dan kaedah pembangunan produk dan



Penceramah jemputan daripada pihak Airasia Grocer menyampaikan sesi ceramah kepada para peserta yang hadir.

mengaplikasikan kaedah khusus dalam membangun produk bagi tujuan pemasaran dalam rangkaian Airasia grocer. Melalui program ini juga, produk keluaran koperasi dan peserta juga telah dikenal pasti untuk dipasarkan dalam rangkaian Airasia grocer. Antara produk koperasi yang telah dikenal pasti dan terpilih setelah melalui fasa piawaian untuk dipasarkan dalam rangkaian Airasia grocer ialah produk coklat daripada Koperasi Kluster Koko Sarawak Berhad di mana produk koperasi ini telah mendapat lebih 90 peratus mata penilaian untuk kriteria produk yang sesuai untuk dipasarkan. Produk coklat daripada Koperasi Kluster Koko Sarawak Berhad telah dipersetujui oleh pihak pengurusan tertinggi Airasia grocer untuk dimasukkan ke dalam katalog pada suku ke-4 tahun ini.

Menariknya, produk Coklat keluaran koperasi ini juga akan mula dijual pada suku ke-3 tahun ini selepas pihak Airasia grocer mendaftarkan koperasi sebagai



Sebahagian produk daripada koperasi yang dipilih untuk sesi tester yang akan dijalankan di ibu pejabat Airasia Grocer.

penjual dan bersetuju untuk menjadikan koperasi sebagai penjual utama produk coklat dalam Kempen Koleksi Krismas kelak. Malahan, produk-produk lain keluaran peserta semasa program tersebut juga berpotensi untuk dipasarkan namun masih lagi dalam proses saringan dan penilaian. Diharap melalui program seumpama ini, IKMa mampu membantu untuk membawa produk koperasi yang berpotensi untuk menembusi pasaran yang lebih luas.

Sekalung penghargaan terima kasih juga pihak IKMa Zon Sarawak zahirkan kepada barisan fasilitator daripada pihak Airasia grocer yang telah hadir. Secara keseluruhannya, program ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada agensi dan semua peserta yang hadir. Diharap program seumpama ini dapat menggalakkan para peserta untuk terus memperkasakan produk-produk yang ada sekali gus melebarkan sayap yang lebih luas dalam usaha mempromosikan produk yang ada.

UBAH ATAU REBAH: TANGANI TEKANAN DALAM KEPIMPINAN KOPERASI

Nur Syamimi Othman
 nursyamimi@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara telah menganjurkan program bicara ilmu dalam talian bertajuk "Ubah atau Rebah: Tangani Tekanan dalam Kepimpinan Koperasi" pada 19 Oktober 2023. Penganjuran program ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengatasi masalah kesihatan mental yang memerlukan intervensi dalam kalangan pemimpin koperasi. Ia juga bertujuan untuk memberikan pemahaman tentang kepentingan menjaga kesihatan mental yang baik dalam kalangan pemimpin koperasi dan meningkatkan kemahiran mereka dalam menghadapi tekanan secara positif.

Program ini telah dihadiri seramai 320 peserta secara dalam talian, merangkumi Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), Pengurus dan kakitangan koperasi, anggota koperasi, serta pegawai-pegawai agensi atau kerajaan yang memainkan peranan dalam kawal selia gerakan koperasi.

Program ini dimulakan dengan perkongsian oleh penceramah jemputan iaitu Encik Mohammad Hafis Shafiq bin Mohammad Sopian, yang bertugas sebagai Pegawai Psikologi Kaunseling Jabatan Kesihatan Negeri Kedah. Beliau membincangkan topik bertajuk "Derita dalam Senyap". Dalam sesi ini, beliau berkongsi mengenai isu dan faktor yang boleh menyebabkan tekanan serta statistik berkaitan individu yang mengalami gangguan mental di seluruh



Sesi ceramah oleh Encik Mohammad Hafis Shafis, Pegawai Psikologi Kaunseling Jabatan Kesihatan Negeri Kedah.



Perkongsian pengalaman oleh YBhg. Datuk Baharom bin Embi, Pengerusi Coopbank Pertama Malaysia Bhd.

dunia. Beliau turut berkongsi mengenai perbezaan antara kesihatan mental dan sakit mental serta tahap utama dalam kesihatan mental. Beliau juga menekankan kepada peserta mengenai kepentingan pengurusan tekanan dan pemeliharaan kesihatan mental yang baik bagi menjamin kehidupan yang lebih selamat dan stabil.

Pengisian program ini juga menampilkan YBhg. Datuk Baharom bin Embi, Pengerusi Coopbank Pertama Malaysia Bhd., yang berkongsi pengalaman bertajuk "Pemimpin Teladan, Inspirasi Jiwa Optimis". Antara perkongsian bermanfaat oleh beliau adalah mengenai kepentingan penghayatan tadbir urus dalam koperasi dengan menerapkan penambahbaikan

berterusan serta keperluan mempunyai pemimpin yang berkualiti. Ciri-ciri pemimpin koperasi yang dikongsi beliau perlulah mempunyai matlamat dan misi dengan jelas, dapat memberi tumpuan pada kemajuan kakitangan, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, dan mempunyai perancangan strategik. Beliau turut memberi fokus kepada kemahiran koperasi untuk mengurus risiko seperti risiko kredit, operasi, dan pasaran serta kecairan. Pengurusan koperasi juga perlu melibatkan pemantauan kredit, sistem koperasi yang cekap, pekerja yang kompeten, dan pengurusan risiko yang efisien. Sebagai pemimpin koperasi, beliau turut berkongsi mengenai kepentingan untuk mengawal hutang lapuk dan kesediaan



Sesi bual bicara bersama Puan Mashy dikendalikan oleh Puan Hajah Yusnita binti Othman, Pengarah IKMa Zon Utara.

menghadapi cabaran dalaman seperti perancangan perniagaan, pengalaman dari segi sikap dan budaya kerja lembaga koperasi dan pengurusan, dan kebolehan lembaga koperasi menangani masalah seperti kekurangan modal dan cabaran dalaman yang lain. Manakala cabaran luaran pula termasuk faktor persaingan yang tinggi dan kesukaran mendapatkan dana perlu dititikberatkan oleh lembaga koperasi dalam memastikan koperasi dapat mencipta alternatif dan peluang penambahbaikan ke atas sebarang isu yang berkaitan. Pematuhan syariah, integriti, dan pengurangan salah

guna kuasa adalah aspek penting dalam pengurusan koperasi. Di akhir perkongsian, beliau juga mengingatkan kepada koperator agar memilih pemimpin yang berkualiti, sentiasa fokus pada matlamat, amalan pengurusan risiko yang baik, dan penekanan kepada pematuhan syariah untuk mencapai kejayaan koperasi.

Sesi seterusnya pula, IKMa Zon Utara turut membuat penampilan khas dengan menjemput seorang mempengaruhi atau *influencer* yang sedang hangat dan menjadi sebutan iaitu Puan Masitah

binti Mohd Afandy atau lebih dikenali sebagai Mashy untuk berkongsi kisah dan pengalaman beliau yang telah menginspirasi ramai pengikut dunia maya ketika ini. Topik yang dibicarakan oleh beliau adalah mengenai "Bongkar Rahsia Bina Minda Positif". Sesi kali ini dijalankan secara bual bicara bersama beliau dengan dikendalikan Puan Hajah Yusnita binti Othman, Pengarah IKMa Zon Utara selaku moderator sesi. Di awal perkongsian, Puan Mashy menceritakan mengenai pengalaman tragis yang telah berlaku ke atas diri beliau setelah terlibat dengan kemalangan ngeri



Bergambar kenangan bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Yahya bin Haji Mat Sahri, Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bersama peserta. Turut dihadiri Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa, Puan Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) IKMa dan Puan Nor Azila binti Md. Tauhid, Pengarah Pentadbiran IKMa.


sehingga menyebabkan beliau lumpuh serta kehilangan deria penglihatan pada 21 Mac 2023. Namun, berkat doa, kesabaran dan semangat yang tinggi, beliau terus berjuang dari hari ke hari sehinggalah menjadikan beliau seperti hari ini. Perkongsian beliau banyak menyentuh mengenai minda yang positif serta tidak pernah menyalahkan takdir, terus diangkat dan menjadi motivasi dan inspirasi kepada para pengikut maya beliau. Sifat positif yang ditunjukkan oleh beliau jelas terpancar menerusi senyuman yang tidak pernah lekang dari wajah polos beliau serta ucapan memuji Illahi dalam setiap pertuturan beliau. Beliau turut menekankan akan faktor lain dalam membina minda yang positif adalah sokongan moral dari ahli keluarga dan rakan-rakan. Hal ini sangat penting

dalam memastikan beliau terus kuat dan tabah menghadapi setiap dugaan dan ketentuan dari-Nya.

Melengkapkan sesi, program ini turut dirasmikan oleh YBrS. Tuan Haji Mohd Yahya bin Haji Mat Sahri, Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Dalam ucapan perasmian penutupan, beliau menasihatkan para peserta untuk mengambil perhatian dan menjadikan iktibar menerusi hasil perkongsian mengenai kepimpinan dan kepentingan menjaga kesihatan mental yang baik. Kesedaran dan peningkatan kemahiran dalam menghadapi tekanan adalah penting untuk memastikan pertumbuhan dan pengukuhan gerakan koperasi di Malaysia sebagai pemangkin pembudayaan ekonomi dan sokongan

sosial. Beliau turut menekankan keperluan kepada koperasi agar sentiasa bersedia menghadapi cabaran yang mendatang dalam usaha menjadikan koperasi lebih progresif dan dinamik.

IKMa Zon Utara berharap agar program ini memberikan manfaat kepada semua peserta yang hadir dalam memahami isu-isu kesihatan mental yang berkaitan dengan kepimpinan dalam konteks koperasi. Kesedaran dan peningkatan kemahiran dalam menghadapi tekanan merupakan langkah penting untuk memastikan pertumbuhan yang mampan dan berkesan dalam sektor koperasi. Semoga program ini memberi impak positif dalam usaha memperkukuhkan gerakan koperasi di Zon Utara dan seluruh negara.



Para peserta yang mengikuti program bicara ilmu.

KEUSAHAWANAN BELIA, TUNJANG MASA DEPAN KOPERASI, PEMANGKIN EKONOMI NEGARA



Ucapan perasmian oleh YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi, ADUN Balingian.



Ketibaan YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi, ADUN Balingian.

Hamizah Mohd Nadzir
hamizah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Pada 03 Julai 2023, YB Encik Abdul Yakub bin Hj Arbi, ADUN Balingian telah menghadiri dan merasmikan program bicara ilmu bertemakan "Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara" bertempat di Dewan Seri Balau, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Program yang dianjurkan secara bersama oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada siswa siswi UiTM Kampus Mukah berkenaan usaha pemantapan belia koperasi dalam bidang keusahawanan di negeri Sarawak. Melalui koperasi, belia dalam kalangan siswa dan siswi UiTM berpeluang untuk memajukan diri dan keluarga dalam bidang keusahawanan, dan seterusnya membantu meningkatkan pendapatan usahawan belia koperasi di negeri Sarawak.

Program yang dihadiri seramai 300 orang pelajar dan kakitangan UiTM Kampus Mukah ini merupakan satu kolaborasi yang amat baik dengan menyuntik elemen keusahawanan dalam aktiviti Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), dan memberi peluang kepada lebih ramai siswa-siswi dan masyarakat untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Lebih menariknya, program ini juga menggabungkan sesi perkongsian ilmu

koperasi dan keusahawanan dari Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Sarawak dan juga Setiausaha Kehormat Koperasi Siswa UiTM Selangor Berhad. Diharapkan, melalui penganjuran program seumpama ini, ia dapat memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan belia dan menjadi titik pemula penubuhan Koperasi Siswa UiTM Kampus Mukah.



Encik Mohamad Suandi bin Mortadza menyampaikan ceramah Indahnya Bila Berkoperasi.



Pegawai UiTM Kampus Mukah yang hadir.



Encik Mohamad Noor Firdaus bin Fadzil, Ketua Penolong Pengarah SKM Sarawak menyampaikan ceramah.



Ceramah oleh Encik Ahmad Naquiddin Mohamad, Setiausaha Kehormat Koperasi Siswa UiTM.



Peserta yang mengikuti program.



YB Abdul Yakub bergambar bersama pemenang kuiz.

MEMBINA JENAMA, MENJANA ANGKA

Hamizah Mohd Nadzir
hamizah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak



Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus,
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Modal Insan),
Institut Koperasi Malaysia



Dr. Chua dari MARDI
menyampaikan taklimat.



Puan Dayang Sophia berkongsi
pengalaman pengeluaran
produk OEM.



YBhg. Datin Hajah Masnah
berkongsi pengalaman sebagai
pengasas kek lapis Mira Cake
House.

Program bicara ilmu yang bertemakan "Membina Jenama, Menjana Angka" telah diadakan pada 13 Julai 2023 bertempat di Hotel Imperial, Kuching. Program bicara ilmu ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan berkenaan kepentingan penjenamaan dalam meningkatkan jualan kepada usahawan koperasi di negeri Sarawak. Melalui jenama, koperasi dapat membawa produk dan perkhidmatan mereka ke pasaran yang lebih luas dan seterusnya membantu meningkatkan pendapatan usahawan koperasi di negeri Sarawak.

Program ini telah dihadiri seramai 200 orang peserta dalam kalangan koperator dan agensi di seluruh Sarawak. Sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan dalam program ini. Antara penceramah yang telah berkongsi ilmu pada program ini ialah Dr. Chua Hun Pin, Pegawai Penyelidik Kanan MARDI, dengan ceramahnya yang bertajuk "Penjenamaan



Pelancaran Direktori Pelanggan
IKMa Zon Sarawak.

dan Pelabelan Produk Makanan dalam Perniagaan". Kertas kerja kedua pula telah disampaikan oleh Puan Dayang Sophia Abang Taha, Pengarah Urusan Sophia Taha Holdings dengan tajuk "Membina Jenama Melalui OEM". Perkongsian terakhir pula daripada Datin Hajah Masnah Haji Sahni, Pengasas Mira Cake House dengan tajuk "Perkongsian Pengalaman Penjenamaan MIRA Cake House".

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), Institut Koperasi Malaysia. Program ini juga dimeriahkan lagi dengan majlis pelancaran Buku Direktori Pelanggan IKMa Zon Sarawak. Buku ini merupakan buku maklumat koperasi yang berdaftar mengikut bahagian-bahagian di negeri Sarawak.

Secara keseluruhannya, program ini berjalan dengan lancar dengan sambutan yang sangat menggalakkan daripada semua peserta. Melalui sesi ceramah dan perkongsian pengalaman daripada para penceramah diharapkan dapat membuka minda para koperator sebagai pembakar semangat dalam memberi nilai tambah terhadap produk yang koperasi usahakan seterusnya membawa koperasi sebaris dengan perniagaan maju lain.

MENEROKAI KEINDAHAN BERKOPERASI: APA MANFAATNYA?



YB Menteri KUSKOP menyampaikan ucapan perasmian.



YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP dan rombongan semasa melawat booth jualan murah ANGKASA.

Frank Me-ol
 frank@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak telah menganjurkan bicara ilmu bertajuk "Menerokai Keindahan Berkoperasi: Apa Manfaatnya" bertempat di Rumah Benggau Andah, Nanga Sut Baleh, Kapit Sarawak pada 5 November 2023 yang lalu. Program yang dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah disertai oleh seramai 270 orang peserta terdiri daripada warga koperasi, usahawan dan penduduk sekitar Kapit dan Song. Turut hadir memeriahkan majlis ialah YB Tuan Wilson Nyabong anak Ijang, Adun N61 Pelagus, Tuan Haji Mohd Yahya bin Mat Sahri Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia, Tuan Rusli bin Jaafar Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Encik Cerisologo Sabut, Pegawai Daerah Kapit.

Objektif program adalah untuk menjelaskan keistimewaan dan peranan koperasi dalam meningkatkan sosioekonomi masyarakat setempat selain memberi pendedahan hak dan tanggungjawab sebagai Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan

anggota koperasi. Selain itu, program juga diharap memberi pendedahan kepada warga koperator serta usahawan khususnya di bahagian Kapit berkenaan peranan IKMa Zon Sarawak dalam pembangunan modal insan koperasi.

Pengisian program termasuk ceramah apakah keistimewaan berkoperasi dan hak serta tanggungjawab anggota yang disampaikan oleh Encik Frank Meol, Pegawai Latihan Kanan IKMa Zon Sarawak. Antara lain, ceramah merungkai kesan akibat daripada ketidaksetiaan dan kebersamaan anggota di dalam memajukan koperasi. Beliau turut menjelaskan tindakan yang perlu dilakukan oleh koperasi untuk mengekalkan minat, kesetiaan dan sokongan anggota kepada koperasi. Hal ini termasuk pulangan kewangan dan bukan kewangan yang kompetitif bahkan lebih baik berbanding pesaing yang ada di luar koperasi dan dalam masa yang sama menjalankan perniagaan yang dikehendaki serta memenuhi keperluan anggota. Ceramah turut menyentuh kisah kejayaan koperasi-koperasi lain di dalam dan luar negara.



Permainan dalam kumpulan sempena ceramah hak & tanggungjawab anggota.

Bagi menyemarakkan lagi suasana program, turut diadakan permainan dan kuiz untuk para peserta. Sebanyak tiga permainan keusahawanan telah diadakan iaitu permainan nombor, mencipta rangkaian perniagaan dan telefon buruk serta kuiz berupa soalan selepas sesi ceramah. Simulasi permainan dan kuiz seumpamanya dapat meningkatkan keterlibatan peserta dalam program serta membantu mengukur sejauh mana pemahaman peserta ke atas penyampaian dalam sesi ceramah.

YB Menteri dalam amanatnya juga menekankan peranan koperasi untuk turut sama-sama membantu agenda kerajaan agar kos hidup rakyat dapat

dikurangkan. Melalui penglibatan di dalam pelbagai sektor ekonomi seperti kedai runcit, pemborongan dan pengangkutan, koperasi berpotensi menjadi tunjang utama ke arah pemantapan ekonomi masyarakat setempat sejajar dengan konsep madani iaitu "nilai daya cipta madani" yang mempromosikan idea bekerjasama demi kemajuan masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Beliau turut menekankan pentingnya bagi koperasi untuk mengaplikasikan teknologi digital dalam perniagaan untuk kekal berdaya saing dan relevan dalam dunia yang semakin berkembang pesat. Pendigitalan koperasi termasuk peralihan daripada perniagaan konvensional kepada penyesuaian dan pendigitalan

teknologi, pemasaran melalui platform digital dan pembayaran dalam talian sejajar dengan konsep perniagaan baharu.

Kehadiran YB Menteri turut dimanfaatkan sepenuhnya oleh Koperasi Desa Lestari Nanga Sut Kapit Berhad untuk membentangkan cadangan projek tapak pejabat dan premis sewaan koperasi untuk dibina di tanah milik penduduk kampung di tepi laluan utama Kapit ke Baleh. Cadangan pembinaan premis tersebut membolehkan koperasi menyewakan tapak perniagaan kepada anggota yang berminat untuk menjalankan perniagaan. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan anggota koperasi khususnya dan koperasi amnya.

Secara keseluruhannya, penganjuran program telah berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektifnya. Bagi pihak IKMa Zon Sarawak besarlah harapan agar ilmu dan maklumat yang diperoleh oleh para peserta sepanjang mengikuti program tersebut mampu menyuntik semangat mereka untuk membangunkan koperasi masing-masing terutamanya di bahagian Kapit agar terus maju jaya.



Peserta semasa sesi ceramah.

KURSUS ASAS PENGURUSAN KOPERASI BARU

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
maryam.hamidah@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Pada bulan September & Oktober 2023, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Pahang dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur, telah mengadakan Kursus Asas Pengurusan Koperasi Baru bagi koperasi-koperasi yang baru ditubuhkan di Pahang. Sebanyak lima siri kursus diadakan di lima daerah di Pahang iaitu di Kuantan, Pekan, Temerloh, Raub dan Jerantut dengan kehadiran keseluruhan peserta bagi semua tempat seramai 250 orang. Siri pertama telah berlangsung di IKMa Zon Timur, Kuantan pada 21 September 2023 dengan kehadiran hampir 70 orang koperator baru di bawah seliaan SKM Pahang Wilayah Kuantan. Siri kedua pula diadakan di Pusat Latihan Felda, Felda Chini Pekan pada 10 Oktober 2023 dan diteruskan esoknya di Hotel Seri Malaysia, Temerloh dengan kehadiran seramai 80 orang koperator dari daerah Temerloh dan Bera. Manakala bagi siri ke-4 dan ke-5 kursus, diadakan pada 17 & 18 Oktober 2023 di Hotel Darul Makmur, Jerantut dan Hotel Jelai, Raub dengan kehadiran koperator di bawah seliaan SKM Pahang Wilayah Raub/Lipis dan Wilayah Jerantut. Kursus bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 6.00 petang.

Objektif kursus ini adalah memberi pendedahan asas pengurusan koperasi merangkumi berkaitan pematuhan Akta Koperasi 1993 iaitu Seksyen 58 & 60 (Bahagian Akaun & Audit) dan pematuhan Seksyen 39 dan Garis Panduan 27 (Bahagian Organisasi & Pengurusan Koperasi) serta tadbir urus yang baik dalam pengurusan koperasi. Kesemua sesi berkaitan pematuhan kepada Akta Koperasi 1993 telah disampaikan oleh Cik Norhazilina binti Abd Halim, Timbalan Pengarah IKMa Zon Timur dan Puan Maryam Hamidah binti Mohd Ghazi, Pegawai Latihan Kanan IKMa Zon Timur. Pihak SKM juga menyampaikan taklimat berkaitan Pembangunan Perniagaan yang berkaitan dengan arahan statutori, pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP) dan pakej bantuan yang disediakan oleh SKM.



Antara koperator yang hadir di Hotel Jelai, Raub.



Antara koperator yang hadir di Hotel Seri Malaysia, Temerloh.



Antara koperator yang hadir di Pusat Latihan Felda, Felda Chini Satu Pekan.

IKMa Zon Timur sangat berbesar hati dapat memenuhi tanggungjawab untuk membangunkan modal insan koperator-koperator dengan mengadakan program-program kerjasama sebegini demi manfaat kepada gerakan koperasi secara keseluruhannya.

SURVIVAL KOPERASI: PENGURUSAN BEKALAN DAN OPERASI PERUNCITAN

Malesa Shela Ta'yib

malesa@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur telah mengendalikan program bicara ilmu bertajuk Survival Koperasi: Pengurusan Bekalan dan Operasi Peruncitan pada 9 November 2023 yang lalu. Program yang berlangsung secara dalam talian ini telah dihadiri oleh seramai 167 orang koperator sekitar negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Memandangkan program bicara ilmu pada kali ini telah dilaksanakan secara dalam talian, maka penglibatan daripada koperator luar selain negeri pantai timur seperti Negeri Sembilan, Kedah dan Selangor turut bersama-sama dalam program ini. Program bicara ilmu ini telah berlangsung selama setengah hari dengan melibatkan dua orang penceramah jemputan yang berpengalaman luas dalam pengurusan berkaitan sektor pemborongan dan peruncitan. Penceramah sesi pertama iaitu Coach Mohd Syaiful Izwan bin M. Suwarno merupakan Subject-Matter Expert (SME) yang mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor pemborongan dan peruncitan yang juga merupakan konsultan yang dilantik oleh IKMa untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat secara terus ke koperasi-koperasi. Penceramah sesi kedua pula Encik Azhar bin Hassan merupakan salah seorang Anggota Lembaga Koperasi Pudina Putrajaya Berhad.


Sektor pemborongan dan peruncitan menjadi tajuk utama dalam program bicara ilmu pada kali ini dengan memfokuskan pada isu-isu koperasi



Perasmian penutup oleh Puan Haslinda binti Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur.



Penceramah sesi 1 Coach Mohd Syaiful menyampaikan ceramah.



Penceramah sesi 2 Encik Azhar bin Hassan berkongsi pengalaman beliau terlibat menubuhkan CoopMart milik Kop. Pudina Putrajaya Berhad.

dalam pengurusan kedai runcit dan cadangan penambahbaikan serta berkongsi pengalaman Koperasi Pudina Putrajaya Berhad dalam membangunkan Coop Community Mart (COOPMART) Pudina di kawasan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) Pudina Putrajaya. Kedua-dua penceramah ini telah mengupas isu pengurusan bekalan dan operasi peruncitan dengan begitu baik kerana banyak maklumat dan ilmu yang disampaikan kepada koperator yang boleh membuka mata dan minda mereka berkaitan pengurusan kedai runcit yang baik. Antara perkara yang ditekankan oleh penceramah adalah pengukuhan dalam pengurusan barangan niaga, pengurusan digitalisasi, pengurusan dan pentadbiran kewangan, pengurusan sumber manusia

serta pemasaran dan pengurusan pelanggan. Peruncitan adalah perniagaan yang boleh menyumbang kepada pendapatan yang tinggi kepada koperasi jika dilaksanakan mengikut cara dan teknik yang betul.

Sesi terakhir program bicara ilmu ini diakhiri dengan perasmian penutup oleh pengarah IKMa Zon Timur, Puan Haslinda binti Sujak. Secara keseluruhan, program ini berjaya mencapai objektifnya dengan kehadiran koperator dari pelbagai saiz dan fungsi. Program bicara ilmu kali ini dilihat memenuhi keperluan modal insan gerakan koperasi terutama koperasi di bawah fungsi pengguna yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pemborongan dan peruncitan.



KEUSAHAWANAN BELIA, TUNJANG MASA DEPAN KOPERASI, PEMANGKIN EKONOMI NEGARA

Hamizah Mohd Nazir

hamizah@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak



Ucapan Perasmian oleh Encik Azizul bin Alias, Ahli Lembaga Pengarah IKMa.

Encik Azizul bin Alias, Ahli Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia, merangkap Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah menghadiri dan merasmikan program bicara ilmu bertemakan "Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara" pada 02 Disember 2023, bertempat di Dewan Jubli, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Samarahan.

Program yang dianjurkan secara bersama oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak dan Universiti Teknologi



Lawatan ke reruai pameran IKMa Zon Sarawak.

Encik Azizul bergambar bersama wakil agensi KUSKOP

Dirasmikan Oleh :
Yang Berusaha Encik Azizul Bin Alias
Lembaga Pengarah IKMa
Merangkap Setiausaha Bahagian,
Pembangunan Koperasi, Penaja dan Usaha Kecil
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

2 DISEMBER
JUBLI, UiTM CAWAN SARAWAK



Mara (UiTM) Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada mahasiswa UiTM Kampus Samarahan berkenaan usaha pemantapan belia koperasi dalam bidang keusahawanan di negeri Sarawak. Melalui koperasi, belia di kalangan mahasiswa UiTM berpeluang untuk memajukan diri dalam bidang keusahawanan di negeri Sarawak.

Program yang dihadiri seramai 300 orang pelajar dan kakitangan UiTM Kampus Samarahan ini merupakan satu kolaborasi yang amat baik dengan sesi perkongsian ilmu koperasi dan keusahawanan dari Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Sarawak dan juga usahawan tempatan Encik Kawi Li dengan produk berjenama Anas Popcorn.

Seusai program, rombongan dari Institut Koperasi Malaysia (IKMa) diketuai oleh Encik Azizul bin Alias, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, dan Puan Siti Maimunah binti Hj. Jerni, telah mengunjungi Koperasi Sungei Marong Agro Farm Samarahan Berhad yang terletak di Kampung Mang, Kota Samarahan, Sarawak. Koperasi ini merupakan koperasi keluarga yang

terdiri daripada 22 orang anggota dan ditubuhkan pada bulan November 2022. Koperasi ini terletak di tanah berkeluasan 100 ekar milik koperasi dan menjalankan fungsi pertanian.

Pihak IKMa mengucapkan terima kasih tak terhingga kepada pengerusi koperasi, Tuan Haji Morshidi bin Haji Ramli dan barisan Lembaga Koperasi Sungei Marong Agro Farm Samarahan Berhad untuk sesi taklimat dan layanan sepanjang sesi lawatan.



Pengasas Anas Popcorn, Encik Kawi Li berkongsi pengalaman beliau dengan peserta program.



Tetamu jemputan bergambar bersama peserta program.

PROGRAM ASIA PACIFIC COOPERATIVE YOUTH SUMMIT 4.0 (APCYS 4.0)



Hajar Azwin Mohamad Ashi
azwin@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan

Delegasi dari Malaysia menyertai Program ICA-AP Cooperative Youth Summit 4.0.

Program *Asia Pacific Cooperative Youth Summit 4.0 (APCYS 4.0)* telah berlangsung bermula 27 hingga 30 Julai 2023 di Kota Kinabalu, Sabah. Program APCYS 4.0 ini dianjurkan oleh *International Cooperative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP)* dengan kerjasama *ICA-AP Committee on Youth Cooperation*, dihoskan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Berhad (ANGKASA). Hari pertama bagi program ini dimulai dengan majlis perasmian dan malam kebudayaan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Sidang ini telah disertai seramai 180 peserta belia dari 19 negara rantau Asia Pasifik termasuk dari Malaysia dengan

tema "*Cooperation for Sustainable Lifestyle*" atau "Kerjasama untuk Gaya Hidup Lestari".

Persidangan pada hari kedua dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ana Aguirre selaku presiden *International Cooperative Alliance (ICA) Global Youth Network* dan Alireza Banaeifar, Ketua *ICA-AP Youth Committee* secara dalam talian. Kemudian, persidangan diteruskan dengan perkongsian ilmu dan pengalaman daripada koperator belia dari Kyrgystan, Filipina, India, Malaysia, Nepal dan Australia. Sesi perkongsian ini sangat memberi informasi kepada peserta kerana membuka minda belia

dengan berkoperasi dapat mencipta nilai keusahawanan yang anggotanya boleh memberikan cadangan dan mendapat manfaat daripada perkhidmatan atau produk yang disediakan koperasi.

Pada hari ketiga, program "Kempen Go Green dan Aktiviti Komuniti" dilaksanakan oleh delegasi *Asia Pacific Cooperative Youth Summit (APCYS) 4.0* iaitu para peserta didedahkan dengan usaha konservasi oleh sukarelawan *Trash Hero* menerusi aktiviti pembersihan pantai di Pulau Manukan, Sabah. Aktiviti diteruskan dengan menanam 261 batang pokok pelbagai spesies di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya, Kota



Aktiviti menanam 261 pokok pelbagai spesies di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya, Kota Kinabalu, Sabah oleh delegasi.



Pemenang tempat kedua dari Kolej Vokasional Likas (Malaysia) meraih wang tunai berjumlah USD1,000 dalam pertandingan *Coop Pitch*.



Wakil dari IKMa menghadiri sesi kedua dengan topik menarik iaitu *School Cooperative: Insight from Malaysia* dari SMK Tansau.

Kinabalu, Sabah sebagai salah satu aktiviti komuniti alam dan perubahan iklim (Climate Action and Community Immersion) oleh para delegasi APCYS. Program Kempen Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok diterajui ANGKASA dan Kempen *Go Green* inisiatif ICA-Asia Pacific Committee on Youth Cooperation memberi kesedaran dan pendidikan dalam usaha mendepani perubahan iklim yang banyak dipengaruhi oleh aktiviti manusia khususnya melalui penerokaan dan pembangunan yang tidak mengambil kira kelestarian ekosistem hutan. Pada sebelah petang pula, delegasi dibawa ke Koperasi Homestay Desa Cinta Kobuni bagi program aktiviti kebudayaan komuniti. Antara aktiviti kebudayaan yang dipersembahkan kepada delegasi adalah memasak masakan, membuat kraf tangan, pakaian tradisi dan tarian serta muzik tradisional suku kaum Dusun. Hari ketiga program diakhiri dengan aktiviti Kenduri Rakyat dengan modus operandinya delegasi bersama “keluarga angkat” memasak satu menu tradisi dan makan bersama penduduk komuniti.



Sebahagian delegasi bergambar setelah selesai aktiviti Kenduri Rakyat di Koperasi Homestay Desa Cinta Kobuni.

Pada hari terakhir, program dimulakan dengan pertandingan ‘Cooperative Pitch atau Coop Pitch’ dengan idea perusahaan baharu dan mampan yang boleh dijalankan oleh koperasi bagi membantu komuniti. Program APCYS 4.0 diakhiri dengan penutupan oleh YAB Datuk Seri Panglima Dr. Ahmad Zahid

Hamidi, Timbalan Perdana Menteri bertempat di Promenade Hotel, Sabah. Hadir sama dalam majlis tersebut ialah YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YB Datuk Abidin Madingkir, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Mohamad Alamin, Timbalan Menteri Luar Negeri, YBhg. Dato' Sri Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, dan YBhg. Dato' Makhzan Mahyuddin,

Setiausaha Persekutuan Sabah. Secara keseluruhannya, penganjuran program ini memberi pendedahan kepada belia peranan dalam pengamalan gaya hidup lestari selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG2030) melalui nilai dan prinsip koperasi serta memberi penekanan kepada pemeliharaan alam sekitar.



YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa dan Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (PMI) IKMa turut bersama semasa majlis penutupan Program APCYS 4.0.



Delegasi APCYS 4.0 bergambar bersama Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Panglima Dr. Ahmad Zahid Hamidi.



Bersama keluarga angkat untuk persiapan kenduri rakyat iaitu setiap delegasi bersama keluarga angkat memasak satu menu masakan tradisi.



Delegasi dari sesi *Breakout : Hands-on Activities* dengan topik *Laboratory Coops* yang disampaikan oleh Dulce Bustamante dari Filipina.



Penduduk komuniti mengajar memasak kuih Sinirung Sirung kepada delegasi.



Lawatan Rasmi Delegasi *National Co-operative Union of India* ke Institut Koperasi Malaysia

R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
zarinatun@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa

Sesi taklimat dan perbincangan oleh Ketua Pengarah IKMa kepada dua pegawai dari *National Co-operative Union of India*.

National Co-operative Union of India (NCUI) telah mengadakan lawatan ke Institut Koperasi Malaysia (IKMa) pada 24 Ogos 2023 yang lalu. Mereka diwakili oleh Dr. Sudhir Mahajan, *Chief Executive, National Co-operative Union of India* (NCUI) dan Puan Savitri Singh, *Deputy Chief Executive, National Cooperative Union of India* (NCUI). Lawatan ini merupakan rentetan daripada kunjungan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) ke *National Co-operative Union of India* bagi menghadiri program *7th Indian Co-operative Congress* pada 1-2 Julai 2023 di New Delhi, India.

Justeru, objektif lawatan dari NCUI adalah untuk meningkatkan hubungan strategik antara pihak IKMa dalam skop pembangunan modal insan dalam gerakan koperasi di peringkat antarabangsa menerusi perbincangan berkaitan kursus jangka pendek yang boleh menjadi titik tolak usaha kerjasama antara kedua organisasi iaitu IKMa dan NCUI.

Sesi perbincangan bersama dua orang delegasi dari NCUI ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Mohd

Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Turut hadir dalam sesi perbincangan ini ialah Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (PMI), Puan Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) dan Dr. Zurita binti Mohd Saleh, Pengarah Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi. Selain itu, Prof. Dr. Mohd Haizam bin Mohd Saudin, Dekan Graduate Business School, UKKM turut diundang bagi membincangkan program dan kursus jangka panjang yang ditawarkan oleh Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM).



Sesi pertukaran cenderamata antara Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan *National Co-operative Union of India* (NCUI).



Delegasi dibawa ke Perpustakaan Tan Sri Noh Omar untuk melihat koleksi bahan penerbitan IKMa.

Lawatan Rasmi

DELEGASI IKOPIN UNIVERSITY, INDONESIA KE IKMa

R. Zarinatun Mohd Abdul Kader

zarinatun@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa

Pusat Antarabangsa, Institut Koperasi Malaysia (IKMa), selaku penyelaras program telah menerima kunjungan rasmi delegasi daripada IKOPIN University, Indonesia pada 1 hingga 3 Ogos 2023. Lawatan pada kali ini merupakan lawatan balas dari Lawatan Kerja Pengurusan IKMa ke IKOPIN, Bandung, Indonesia pada 13 – 17 Februari 2023 yang lalu.

Seramai 15 orang delegasi yang terdiri daripada empat orang pengurusan tertinggi IKOPIN dan 11 orang pelajar *postgraduate* dalam bidang pengurusan

terlibat dalam kunjungan ini. Ketua delegasi Dr. H. Gijanto Purbo Suseno, SE., MSc, Vice-Rector for Academic and Student Development, bersama-sama dengan Dr. Trida Gunadi, M.Si, Head of Postgraduate Program in Management dan Dr. Sugiyanto Ikhsan, M.Pd. MM., Secretary of Postgraduate Program in Management, IKOPIN University. Objektif lawatan ini adalah meningkatkan hubungan strategik antara pihak IKMa dan UKKM dengan IKOPIN University dalam skop pembangunan modal insan dalam gerakan koperasi di peringkat

antarabangsa menerusi perbincangan meja bulat berkaitan program jangka panjang peringkat sarjana & PhD, mobiliti tenaga pengajar/pakar dan pelajar, aktiviti komuniti koperasi dan penyelidikan serta penerbitan.

Sesi perbincangan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah, IKMa, turut hadir Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (PMI) dan beberapa semua pengarah kanan IKMa serta pengarah dan pegawai Pusat Antarabangsa.



Delegasi IKOPIN University, Indonesia dan Pengurusan Tertinggi Institut Koperasi Malaysia bergambar di depan logo Institut Koperasi Malaysia.



YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah, Institut Koperasi Malaysia telah mempengerusikan mesyuarat perbincangan meja bulat bersama delegasi dari IKOPIN University, Bandung, Indonesia.

Jemputan wakil dari agensi yang turut hadir sama dalam sesi perbincangan ini ialah Encik Amran bin Abdul Kadir, Naib Pengerusi Eksekutif (Dasar dan Pembangunan) Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Prof Dato' Dr. Azali bin Mohamed, Naib Canselor UKKM dan beberapa orang wakil dari UKKM.

Program diteruskan dengan mengadakan lawatan ke koperasi Kebuniti Selangor Berhad, Shah Alam, Selangor. Delegasi IKOPIN University, Indonesia ini berpeluang untuk melawat Kobuniti Agro Park yang terletak di Shah, Alam, Selangor. Koperasi ini telah ditubuhkan pada tahun 2020, antara aktiviti koperasi ialah pertanian, perladangan, tanaman dan ternakan moden, pemasaran produk perladangan, pertanian dan ternakan serta agropelancongan di Selangor. Sesi lawatan ini dimulakan dengan taklimat kepada delegasi berkaitan Koperasi Kebuniti Selangor Bhd yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Pengerusi Koperasi Kebuniti Selangor Berhad. Pihak koperasi telah menyediakan minum petang kepada delegasi IKOPIN, Indonesia. Seterusnya delegasi berpeluang melihat tapak penanaman pokok cili dan terung dengan penanaman pertanian bandar dengan teknologi bersesuaian serta terkini.

Setelah selesai lawatan di Kebuniti Selangor, delegasi telah meneruskan perjalanan ke Koperasi Ladang Berhad di Johor. Pada 2 Ogos 2023, iaitu hari kedua, delegasi dibawa ke Koperasi Ladang Berhad. Acara di Koperasi Ladang Berhad dimulakan dengan taklimat pengenalan koperasi. Delegasi seterusnya dibawa menaiki kenderaan koperasi bagi lawatan ke ladang kelapa sawit milik koperasi dan lawatan ke tapak penempatan pekerja koperasi. Aktiviti diteruskan hidangan minuman air kelapa muda, iaitu tanaman pokok kelapa milik Koperasi Ladang Berhad.

Lawatan kerja IKOPIN University, Indonesia ke Institut Koperasi Malaysia (IKMa) ini telah menandakan usaha kerjasama yang utuh serta terlaksana berdasarkan kepada surat hasrat (LOI) yang telah ditandatangani pada 15 Februari 2023 yang lalu antara Institut Koperasi Malaysia dan IKOPIN. Kerjasama ini tidak terhenti di sini malah ia akan direalisasikan dalam program-program yang telah dipersetujui di bawah LOI di antara kedua buah organisasi ini terutamanya bagi meningkatkan kapasiti modal insan koperasi berpacuan jaringan strategik di peringkat antarabangsa serta mendalami program latihan dan pendidikan berasaskan pengetahuan khususnya dalam bidang koperasi.



Delegasi IKOPIN University, Indonesia bergambar beramai-ramai semasa lawatan ke Kebuniti Selangor Berhad.



Delegasi IKOPIN University, Indonesia bergambar beramai-ramai semasa lawatan ke Koperasi Ladang Berhad, Johor.

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH IKMa KE KOPERASI TERENGGANU DAN KELANTAN

Haslinda Sujak
haslinda@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa koperasi di Kelantan dan Terengganu pada 8 hingga 10 Ogos 2023. Kunjungan ini adalah bertujuan bagi meninjau aktiviti projek yang dijalankan oleh koperasi-koperasi yang dilawati la juga bagi mengetahui bentuk kerjasama yang dijalinan antara koperasi dan IKMa.

Antara koperasi yang dilawati ialah Koperasi Penternak Akuakultur Pantai Kundor Kelantan Berhad (KOAKUA)

yang menjalankan projek ternakan ikan sangkar dan memborong hasil laut untuk dibekalkan kepada pasar raya AEON Kota Bharu.

Seterusnya koperasi yang dikunjungi ialah Koperasi Wawasan Bukit Mas Kelantan Berhad (KOWBMAS) yang memiliki sebidang tanah di Danau To' Uban, Pasir Mas. Koperasi ini yang sedang dalam program bimbingan Sektor Keberhasilan IKMa, akan membina tapak perkhemahan di atas tanah tersebut dan menjadikannya lokasi riadah dan tarikan

pelancongan bersebelahan Ladang Solar Terapung (milik syarikat swasta dan anak syarikat kerajaan Negeri) yang terbesar di Asia Tenggara.

Di Terengganu pula, dua koperasi yang dikunjungi ialah Koperasi Tenaga Muda Hulu Besut Berhad (KopTem) yang menjalankan aktiviti peruncitan dan Koperasi Keluarga Haji Mustafa Sulong Besut Berhad (KOHAFAS) yang menguruskan sebuah kawasan rekreasi. Lawatan kerja ini diakhiri dengan berkunjung ke Koperasi Warga USM Kelantan Berhad (COOPUSMA) yang telah menjalankan banyak perniagaan merentasi sektor kesihatan, pelancongan, peruncitan dan perkhidmatan. COOPUSMA memiliki poliklinik, pusat dialisis, hotel bajet, CoopMart dan pusat pengedaran runcit, taska dan pusat jagaan kanak-kanak, kilang air dan mini kafeteria.

Secara keseluruhannya, sambutan dan penerimaan oleh semua koperasi yang dilawati amat baik. Program ini bukan sahaja dapat merapatkan hubungan IKMa dengan koperasi, malah koperasi mendapat pendedahan terhadap fungsi dan program sokongan yang IKMa berikan kepada gerakan koperasi bagi membangunkan anggota yang berilmu serta dapat mengurus ekonomi koperasi dengan cekap dan berkesan.



KOAKUA aktif memenuhi keperluan keterjaminan makanan untuk masyarakat tempatan.





Ketua Pengarah IKMa turut menanam sebatang pokok sebagai tanda kenangan di tapak perkhemahan milik KOWBMAS.



KopTem menjalankan perniagaan CoopMart dan dobi layan diri.



KOHAFAS menguruskan Taman Rekreasi KOHAFAS Agro Darau yang mempunyai landskap menarik dan prasarana yang lengkap.



Pusat Dialisis COOPUSMA sedang dalam pengubahsuaian untuk diperbesar kepada dua tingkat dan keluasan tiga pintu rumah kedai



LAWATAN KERJA PENGURUSI LEMBAGA PENGARAH IKMa KE KOPERASI DI KEMAMAN

Haslinda Sujak
haslinda@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Ramly Halal Mart milik KOPKEM menjual produk-produk eksklusif jenama terkenal tersebut yang tidak dipasarkan di mana-mana pasar raya.

Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), YBr. Tuan Haji Mohd Yahya bin Mat Sahri, diiringi oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa telah mengadakan lawatan kerja ke dua koperasi di daerah Kemaman pada 28 November 2023. Kunjungan ini adalah bertujuan bagi mendekatkan lagi pengurusan tertinggi IKMa dengan koperasi di daerah luar bandar yang cemerlang prestasi ekonomi serta berjaya memenuhi keperluan sosial anggota.

Koperasi pertama yang dilawati ialah Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kemaman Berhad (KopKem) yang menjalankan aktiviti ar-rahnu, Ramly Halal Mart, ladang sawit, perkhidmatan jentera dan pengangkutan, kontrak dan input pertanian.

Seterusnya koperasi yang dikunjungi ialah Koperasi Peserta-peserta FELCRA Seri Bandi Kemaman Berhad. Pencapaian koperasi ini amat membanggakan. Dengan perolehan pada tahun 2022 sebanyak RM21 juta, koperasi ini telah turut tersenarai di tangga ke-38 dalam 100 koperasi Malaysia yang terbaik sekali gus sebagai yang terbaik di negeri Terengganu ini.

Di kesempatan lawatan kerja ini juga, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa telah merasmikan penutupan kursus pendidikan anggota koperasi tersebut bersempena Program Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP) yang dikendalikan oleh IKMa Zon Timur (Cawangan Kuala Terengganu).



Perolehan yang memberangsangkan membolehkan KOPKEM mencarum skim insurans kemalangan yang diberi percuma bagi melindungi semua anggotanya.



Koperasi Peserta-peserta FELCRA Seri Bandi Kemaman Berhad menjalankan aktiviti stesen minyak, kedai runcit, kedai perkakas dan input pertanian, kerja-kerja kontrak dan kilang kawat duri.



Program ini dapat mendedahkan peranan dan fungsi IKMa menganjurkan program-program pemerkaasaan modal insan kepada gerakan koperasi.



Pengurusan Tertinggi IKMa bergambar kenangan bersama delegasi Gwangmyeong City Council, Republic of Korea.

Lawatan Delegasi GWANGMYEONG CITY COUNCIL, REPUBLIC OF KOREA KE IKMa

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa



Delegasi turut diberikan penerangan berkaitan bahan-bahan bacaan ilmiah yang diterbitkan oleh pihak IKMa.

Lawatan rasmi yang terdiri daripada delegasi Gwangmyeong City Council, Republic of Korea ke Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah diadakan pada 18 September 2023 yang lalu. Seramai 10 orang delegasi yang diketuai oleh Puan Lee Hyeoungdeok, City Councilor dari Gwangmyeong City Council terlibat

dalam program lawatan rasmi ini. Mereka terdiri daripada Ahli Parlimen serta Pegawai Pembuat Dasar. Objektif lawatan ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan input berkaitan amalan baik IKMa dan ekosistem pembangunan modal insan gerakan koperasi di Malaysia bagi menyokong inisiatif mereka ke arah penggubalan dan pelaksanaan dasar yang berkesan dan inklusif.

Ketibaan delegasi telah disambut oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Beberapa orang wakil daripada pengurusan tertinggi IKMa iaitu Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), Pengarah-Pengarah Kanan dan Pengarah Pusat turut sama



Sesi penyerahan cenderahati yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa kepada Puan Lee Hyeoungdeok, City Councilor selaku Ketua Delegasi.

menyambut ketibaan delegasi ini tiba ke IKMa. Sejurus tiba di IKMa, delegasi telah dibawa melawat ke Perpustakaan Tan Sri Noh Omar dan turut diberikan penerangan mengenai TechnoLab. Seterusnya delegasi dibawa ke Bilik Mesyuarat Anggerik bagi mendengarkan taklimat berkaitan IKMa dan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM).

Secara keseluruhannya program lawatan delegasi ke IKMa ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat reaksi yang positif daripada delegasi yang hadir. Diharapkan menerusi lawatan ini, jalinan hubungan IKMa bersama negara-negara luar akan terus diperkasakan lagi pada masa akan datang.

MAJLIS TANDATANGAN SURAT HASRAT (LoI)

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

DAN

SEKOLAH TINGGI ILMU EKONOMI SUTAATMADJA INDONESIA

(Selasa) | 10.00
Abdul Majid.



Lawatan Delegasi SEKOLAH TINGGI ILMU EKONOMI SUTAATMADJA ke IKMa

R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
zarinatun@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa

Lawatan delegasi dari Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Sutaatmadja (STIESA), Subang, Jawa Barat, Indonesia ke Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah diadakan pada 5 September 2023 yang lalu. Objektif lawatan ini adalah meningkatkan kapasiti modal insan koperasi berpacuan jaringan strategik di peringkat antarabangsa iaitu antara IKMa, Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) dan STIESA.

Sesi lawatan ini dimulakan dengan lawatan ke Perpustakaan Tan Sri Noh Omar dan sekitar IKMa. Seterusnya delegasi dibawa ke Auditorium Dato' A. Majid, IKMa bagi mendengar taklimat

Majlis menandatangani surat hasrat (LoI) antara IKMa dengan STIESA, Indonesia sambil disaksikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, dan Encik Daeng Makmur Thahir, Delegasi dari Sutaatmadja Foundation.



Barisan pensyarah dari STIESA, Indonesia mendengar taklimat di Koperasi National Land Finance Cooperative Society Bhd. (NLFCS, Bhd)

program yang disampaikan oleh Puan R. Zarinatun binti Abdul Kader dan Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan. Menariknya, lawatan pada kali ini diselitikan dengan program bicara ilmu berkenaan tadbir urus gerakan koperasi di Malaysia yang disampaikan oleh Puan Norbiha binti Kasmuri, Pengarah Pusat Pembangunan Koperasi.

Dalam siri lawatan ini, turut diadakan tiga program besar yang berjalan serentak pada tarikh dan hari yang sama. Program pertama bertajuk "Struktur Tadbir Urus Gerakan Koperasi di Malaysia" merupakan tema program bicara ilmu anjuran Pusat Antarabangsa, IKMa. Program disusuli dengan Majlis menandatangani Surat Hasrat (LoI). Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah, IKMa, turut hadir bersama ialah Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), IKMa, Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah Pusat Antarabangsa dan wakil UKKM. Manakala bagi pihak STIESA, Indonesia terdiri daripada Encik Daeng Makmur Thahir *Delegate from Sutaatmadja Foundation*, Dr. Gugyuh Susandy, S.E., M.Si. CBM - *Head Assistant of Academic and*



YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, sedang memberi ucapan kepada pelajar-pelajar STIESA, Indonesia.



Taklimat berkaitan struktur tadbir urus gerakan koperasi di Malaysia disampaikan oleh Puan Norbiha binti Kasmuri, Pengarah Pusat Pembangunan Koperasi, IKMa.



Taklimat program disampaikan oleh Puan R. Zarinatun binti Mohd Abdul Kader, selaku penyelaras program lawatan dari STIESA, Indonesia.



Penerangan disampaikan oleh YBhg. Dato' Raj, selaku Ketua Pegawai Eksekutif, NLFCS Bhd dan YBhg. Datuk Sahadevan, selaku Pengarah Urusan, NLFCS Bhd.



Encik Daeng Makmur Thahir, selaku ketua delegasi bersama-sama dengan Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), IKMa dan Dr. Zurita binti Mohd Saleh, Pengarah Pusat Antarabangsa, IKMa.

Student Affairs dan Encik Egi Milmayadi Thahir, S.P.M.M - Head of C4 Program.

Program ketiga ialah perbincangan potensi kolaborasi antara IKMa dengan STIESA yang merupakan rentetan lawatan delegasi STIESA ke Institut Koperasi Malaysia. Seramai 143 orang delegasi dari STIESA, Indonesia telah mengadakan lawatan di IKMa daripada jumlah ini seramai 12 orang pensyarah dari bidang perakaunan (42 orang pelajar) dan pengurusan pentadbiran (79 orang pelajar) dan 11 orang staf STIESA, Indonesia.



Para Pelajar STIESA sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh penyelaras program di Auditorium Dato' Abd. Majid, IKMa.

Program ini berakhir dengan lawatan ke koperasi National Land Finance Co-operative Society Limited (NLfCS) oleh kumpulan pelajar dalam bidang pengurusan dan pentadbiran. Manakala lawatan kedua adalah ke COOP Bank bagi pelajar dalam bidang perakaunan. Tujuan lawatan ke koperasi adalah sebagai pendedahan berkaitan koperasi yang perlu diterokai oleh pelajar-pelajar STIESA, Indonesia. Lawatan pelajar-pelajar ini amat bertepatan kerana IKMa merupakan sebuah pusat latihan yang memberi latihan dan pendidikan khususnya dalam ilmu pengetahuan dalam bidang koperasi.



Acara menukar cenderamata antara IKMa dan NLfCS Bhd.



MALYSIAN COMMUNITY ENGAGEMENT: KERJASAMA STRATEGIK IKMa DENGAN ANGKASA

Nor Irzaq Nor Hamid
 irzaq@ikma.edu.my
 Pusat Antarabangsa

Program berasaskan komuniti di peringkat antarabangsa iaitu *Malysian Community Engagement* telah diadakan pada 2 Oktober 2023 bertempat di Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya. Program ini dilaksanakan secara kerjasama strategik antara IKMa dan ANGKASA. Objektif program ini adalah memberikan pendedahan berkaitan dengan inisiatif pemerkasaan modal insan melalui peranan dan fungsi IKMa serta pemerkasaan penglibatan belia dalam koperasi melalui program-program anjuran IKMa berasaskan komuniti belia. Seramai 41 orang yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar dalam bidang pengurusan dan ekonomi daripada Manipal International Universiti dan Asosiasi Dosen Akuntansi Indonesia (ADAI) terlibat dalam program tersebut.

Dari perspektif IKMa dan ANGKASA, Program *Malysian Community*



Sesi penyampaian cenderahati oleh Cik Sharina binti Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian Dasar dan Strategi.

Engagement merupakan satu program yang berbentuk perkongsian secara interaktif berkaitan struktur ekosistem pembangunan koperasi di Malaysia khusus dalam aspek pembangunan modal insan dan perniagaan koperasi. Pusat Antarabangsa telah merangka pengisian program yang terbahagi kepada dua iaitu sesi lawatan dan sesi perbincangan. Program ini dimulakan

dengan sesi taklimat oleh Encik Khairul Akmal bin Saim selaku Penolong Pengarah Unit Pentadbiran Perpustakaan (UPP) di Perpustakaan Tan Sri Noh Omar. Semasa sesi taklimat tersebut, beliau telah berkongsi maklumat berkaitan bahan penerbitan gerakan koperasi dalam dan luar negara, aktiviti perpustakaan dan fungsi technolab dalam membantu koperasi ke arah

pendigitalan. Seterusnya, peserta program ini telah diberi pendedahan berkaitan struktur korporat dan struktur ekosistem pembangunan gerakan koperasi di Malaysia yang disampaikan oleh Cik Sharina binti Abdullah, Pengarah Kanan, Bahagian Dasar dan Strategi, IKMa.

Semasa sesi taklimat tersebut, peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar telah membuat perbandingan fungsi koperasi antara Malaysia dengan Indonesia. Menurut Dr. Muhammad Redha Haykal dari Dinas Perdagangan dan Perindustrian, Sumber Daya Perlombongan Pemerintah Provinsi Sumatera Utara Indonesia, fungsi koperasi di Indonesia hanya terdiri daripada lima berbanding Malaysia iaitu kredit, perladangan, pengguna, pemasaran dan peruncitan. Malah, beliau juga ingin mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut berkaitan amalan penubuhan koperasi di Malaysia yang berasaskan fungsi sepertimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Peserta program ini juga menunjukkan minat bagi mendapatkan maklumat



Ucapan daripada Dr. Muhammad Redha Haykal dari Dinas Perdagangan dan Perindustrian.

berkaitan perbezaan koperasi kredit dan koperasi bank, perkhidmatan pembiayaan yang dihadkan kepada anggota sahaja dan program pensijilan yang ditawarkan oleh Pusat Pendidikan Tinggi, IKMa.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dan dilaksanakan dengan berkesan. Hasil daripada program ini, Pusat Antarabangsa telah mengenal pasti bidang tumpuan

yang harus diberi fokus melalui kerjasama strategik antara IKMa dengan gerakan koperasi di Indonesia menerusi amalan terbaik koperasi syariah. Diharapkan kerjasama strategik yang berimpak antara kedua-dua buah negara khusus dalam aspek pembangunan modal insan dalam konteks koperasi dapat dijalinan bagi memastikan gerakan koperasi dapat mencapai kelebihan daya saing yang mampan.



Sesi bergambar kenangan.

LAWATAN PUSPANITA CAWANGAN KECIL IKMa KE RUMAH SENTUHAN BUDI, PETALING JAYA

Intan Nur Azreen Mohamad Radzi
 azreen@ikma.edu.my
 PUSPANITA Cawangan Kecil IKMa

“Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul”. Itulah ungkapan peribahasa yang sering didengar apabila melihat nasib yang dialami oleh mereka yang kurang berkemampuan terutamanya ketika ini negara terkesan dengan kenaikan kos sara hidup.

Simpati dengan golongan yang kurang bernasib baik, PUSPANITA Cawangan Kecil IKMa telah mengadakan lawatan amal ke Rumah Sentuhan Budi Seksyen 14, Petaling Jaya pada 22 September 2023. Lawatan ini adalah bertujuan untuk menyantuni anak-anak asnaf seramai 17 orang kanak-kanak perempuan berumur dalam lingkungan antara 1 tahun hingga bawah 10 tahun serta menyampaikan sumbangan.



Bergambar kenangan bersama anak-anak penghuni Rumah Sentuhan Budi.

Simbolik penyerahan sumbangan tunai oleh Puan Hamidah binti Mohd Jos, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil IKMa kepada wakil Rumah Sentuhan Budi.



Kutipan sumbangan telah dibuka dalam kalangan warga kerja IKMa, UKKM, KOIKMa serta individu luar bermula dari 1 hingga 15 September 2023. Sambutan adalah amat menggalakkan dan hasil kutipan sumbangan adalah sebanyak RM3,145.00 berupa wang tunai, barangan keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak, tepung, gula, biskut, Milo dan susu tin. Sumbangan lain yang diberikan seperti pakaian, kasut, buku-buku rujukan dan barangan permainan.

Lawatan amal ini turut dihadiri oleh 15 orang terdiri daripada Puan Hamidah binti Mohd Jos, Pengerusi Puspanita IKMa, Ahli Jawatankuasa dan Anggota Puspanita IKMa. Program seperti ini perlu diteruskan selain menunjukkan keprihatinan untuk memberikan bantuan, pendidikan serta khidmat masyarakat dari semasa ke semasa kepada golongan kurang bernasib baik, ia juga wadah mempromosikan imej dan jenama IKMa kepada masyarakat setempat.



Pengerusi, AJK dan Anggota Puspanita IKMa yang hadir bergotong-royong untuk menyerahkan sumbangan barangan keperluan asas.



Pengerusi, AJK dan Anggota Puspanita IKMa bergambar kenangan di Rumah Sentuhan Budi setelah selesai lawatan.



PERTANDINGAN MEMASAK "Jom Balik Kampung"

Nur Anizah Aziz
anizah@ikma.edu.my
Kelab Sukan dan Sosial IKMa

Kelab Sukan dan Sosial (KSS) IKMa telah menganjurkan Pertandingan Memasak "Jom Balik Kampung" pada 15 September 2023 bertempat di Skylight Blok B, Institut Koperasi Malaysia. Tujuan pertandingan ini diadakan bagi menyerlahkan bakat terpendam ahli KSS dan juga kakitangan IKMa dalam bidang masakan serta memupuk semangat berpasukan dan mengeratkan hubungan sesama ahli.

Walaupun pertandingan memasak ini bukanlah julung kali dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Sosial IKMa, namun penganjuran pada kali ini telah mendapat sambutan luar jangkaan. Seramai 38 orang kakitangan IKMa mewakili 14 kumpulan telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini.



Kumpulan "Kampung People" menghidangkan 7 menu antaranya nasi daging utara dan daging bakar, telah dinobatkan sebagai Juara dan pemenang kategori kumpulan terbaik.

Berkonsepkan masakan tempatan yang berasaskan bahan mentah utama dalam kotak misteri, setiap kumpulan telah berjaya menyediakan sekurang-kurangnya satu hidangan mengikut tema yang ditetapkan. Bahan mentah dalam kotak misteri iaitu "daging lembu" diumumkan sebaik sahaja masa bermula iaitu selama 1 jam 30 minit.

Pertandingan ini telah dijurikan oleh empat orang juri yang terdiri daripada tiga orang Pengarah Kanan IKMa iaitu Puan

Najmah binti Nawawi, Puan Sri Datin Seri Noraesyah binti Saari, dan Cik Sharina binti Abdullah serta Pengarah Pusat Penyelidikan, Dr. Mohd Shahron Anuar bin Said. Sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu kategori masakan dan kumpulan terbaik. Bagi kategori masakan, aspek yang diambil kira ialah rasa, persembahan hidangan, kerjasama, dan juga kebersihan. Manakala, bagi kategori kumpulan terbaik, mengambil kira aspek dekorasi meja, pakaian dan keseragaman kumpulan.



Kumpulan "Dua Benua" dengan menu daging berlado dan harimau menangis telah memenangi tempat kedua.



Kumpulan "Agro Makanan" dengan menu rendang daging telah memenangi tempat ketiga.



Para juri sedang menilai masakan peserta.



Para peserta bergambar bersama barisan Pengurusan Tertinggi IKMa.



Sesi penyerahan plak IKMa oleh Encik Mohd Zaib kepada Puan Hariza, juruaudit MAPIM

LAWATAN AUDIT MAPIM ke IKMa

Zaharatul Laili Zakaria
laili@ikma.edu.my
 Unit Pembangunan Modal Insan



Sesi taklimat mengenai IKMa yang disampaikan oleh Encik Mohd Zaib, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) kepada juruaudit MAPIM.



Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) merupakan sebuah badan yang bergiat aktif dalam pembangunan bidang penerbitan ilmiah dan saintifik. Antara objektif penubuhan MAPIM adalah meningkat dan memajukan penerbitan ilmiah di Malaysia khususnya di kalangan penerbit IPTA, pusat penyelidikan dan Dewan Bahasa dan Pustaka serta beberapa lagi objektif yang berfokuskan untuk menyebarkan penerbitan ke peringkat global. Keanggotaan MAPIM terbuka kepada organisasi yang giat menerbitkan bahan penerbitan seperti buku atau bahan bacaan lain dan mempunyai aspirasi dalam memperkasa penerbitan secara holistik.


Justeru, bertepatan dengan fungsi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) iaitu menerbit dan mencetak bahan penerbitan berkaitan dengan koperasi, IKMa berhasrat untuk menyebarkan bahan penerbitan berkaitan koperasi melalui bahan penerbitan seperti buku, majalah, jurnal, monograf penyelidikan dan lain-

lain bahan penerbitan yang dapat membantu mendidik gerakan koperasi di Malaysia. Sehubungan dengan itu, satu lawatan audit MAPIM telah diadakan pada 18 Oktober 2023 yang lalu di Bilik Mesyuarat Anggerik, IKMa bagi mengaudit permohonan IKMa sebagai ahli MAPIM. Juruaudit dari MAPIM terdiri daripada Puan Hariza binti Mohd Yusof, Pengarah Penerbit USIM dan pembantu beliau, serta Puan Sri Sarina Dewi binti Suhaimin, Ketua Penerbit IKIM.

Mewakili IKMa ke sesi lawatan audit MAPIM ialah Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa, Puan Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) serta tiga orang pengarah kanan IKMa dan pengarah serta ketua unit yang terlibat dalam sesi lawatan ini. Unit Pembangunan Modal Insan selaku urus setia dipertanggungjawabkan untuk menyelaras sesi lawatan audit ini dengan penyediaan dokumen berkaitan bagi melayakkan IKMa sebagai ahli MAPIM.

Sesi lawatan audit dimulakan dengan taklimat mengenai IKMa daripada Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, disusuli dengan tayangan video korporat IKMa kepada juruaudit MAPIM bagi sesi pengenalan IKMa kepada MAPIM. Seterusnya, sesi audit MAPIM dimulakan dengan sesi soal jawab berhubung proses penerbitan seperti editorial, perekaan, percetakan, struktur penerbitan, dasar dan polisi serta beberapa proses penerbitan yang dijalankan di IKMa. Usai sesi audit tamat, juruaudit MAPIM dibawa untuk melawat ke Perpustakaan Tan Sri Noh Omar bagi melihat sendiri koleksi bahan penerbitan IKMa.

Secara keseluruhannya, sesi lawatan audit ini berjalan dengan lancar dengan maklum balas yang positif daripada juruaudit MAPIM. Diharapkan melalui penyertaan IKMa sebagai ahli MAPIM mampu untuk membawa penerbitan IKMa ke peringkat yang lebih tinggi sekali gus dapat memperkenalkan jenama IKMa kepada masyarakat umum.



Pihak IKMa merakamkan gambar kenangan bersama juruaudit MAPIM.
(Duduk dari kiri: Puan Hamizah, Puan Hariza, Puan Hamidah, Puan Sri Sarina dan Encik Mohd Zaib)
(Berdiri dari kiri: Puan Zaharatul Laili, Encik Khairul Akmal, Dr. Shahron Anuar, Puan Norul Hayatie, Puan Nor Arma dan Puan Wan Nur 'Ain).

Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN)

Nabila Rahimuddin
nabila@ikma.edu.my
Kelab Sukan dan Sosial IKMa



Atlet IKMa bergambar kenangan bersama Raja Muda Perlis dan Ketua Pengarah IKMa.



Ucapan Perasmian oleh Raja Muda Perlis, DTYM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail

Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2023 merupakan sukan yang dianjurkan oleh Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM). Misi PBBM adalah merapatkan dan memperkukuhkan jalinan kerjasama yang erat serta pertukaran kepakaran dengan bertujuan mempertingkatkan mutu perkhidmatan Badan-badan Berkanun di Malaysia. Selain itu, PBBM mewujudkan pelbagai bentuk aktiviti sukan dan sosial supaya dapat mencungkil bakat-bakat yang boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi serta mempererat lagi silaturahim yang telah wujud.

Kejohanan dwitahunan kali ini adalah penganjuran bersama Persatuan Badan Berkanun Malaysia dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Institut Sukan Negara (ISN) dan telah memilih Perlis sebagai tuan rumah bagi edisi ke-12 ini. Sebanyak 56 atlet Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah

memberikan cabaran sengit kepada peserta yang menyertai acara dalam Sukan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2023 di UiTM Arau, Perlis yang bermula 3 hingga 9 September 2023. Atlet yang terdiri daripada kakitangan IKMa dari seluruh Malaysia telah membawa cabaran ini dan menggalas amanah yang disandarkan oleh seluruh warga IKMa dan IKMa telah menyertai tiga acara yang dipertandingkan. Tiga acara ini melibatkan bola sepak 9 Sebelah, Bola Jaring, Petanque Lelaki dan Perempuan.

Persediaan mental dan fizikal yang jitu diperlukan dalam kalangan atlet IKMa bagi memastikan institusi ini menjadi salah satu pasukan yang digeruni dalam setiap sukan serta IKMa dapat memanfaatkan peluang ini untuk mempromosikan jabatan ini di kalangan 59 buah kontinjen dari seluruh negara yang beraksi dalam karnival sukan ini. Selain itu, semangat dan budaya kerja secara berpasukan dapat dilihat dan

dapat membina sahsiah diri yang lebih baik seterusnya membantu mencapai matlamat jabatan. Penganjuran karnival sukan ini dapat dijadikan medium kepada amalan gaya hidup sihat dan dapat memupuk ukhuwah yang baik dalam kalangan atlet.

Majlis Perasmian penuh gilang-gemilang telah disempurnakan oleh Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail di Stadium Kompleks Sukan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis. Keberangkatan tiba Baginda diiringi oleh Raja Puan Muda Perlis, DTYM Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Tuanku Raja Muda dan Tuanku Raja Puan Muda turut berkenan menyempurnakan pemasangan obor sebagai simbolik majlis perasmian SUKANUN 2023. Ketua Pengarah IKMa iaitu YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor juga turut hadir bagi memeriahkan majlis perasmian tersebut.

Majlis Sekalung Budi IKMa 2023

Nor Azmawati Hj Mohd Shafii
azmawati@ikma.edu.my
Unit Pengurusan Sumber Manusia

Majlis Sekalung Budi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi meraikan kakitangan yang telah dan akan bersara telah diadakan pada 19 Oktober 2023 bertempat di Institut Koperasi Malaysia, Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor. Majlis sekalung budi ini diadakan khusus untuk menghargai perkhidmatan, pengorbanan yang telah dicurahkan serta jasa bakti yang telah diberikan oleh pesara dan bakal pesara kepada organisasi.

Seramai empat orang pegawai telah diraikan terdiri daripada dua orang pegawai yang telah bersara, iaitu Encik Ramli bin Mohd Nor yang telah bersara pada 03 Januari 2023 dan Puan Zubaidah binti Ismail yang telah bersara pada 08 April 2023 serta dua orang pegawai yang akan bersara, iaitu Encik Halim bin Kandar

pada 01 November 2023 dan Cik Zailaha binti Hj. Muhamad Nor yang akan bersara pada 30 Disember 2023.

Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, yang turut memberikan kata alu-aluan yang mengandungi kata-kata penghargaan dan terima kasih kepada semua pesara dan bakal pesara. Turut hadir pada majlis ini ialah Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus (Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan) dan Puan Hamidah binti Mohd Jos (Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan) serta semua Pengarah Kanan dan seluruh warga IKMa Ibu Pejabat.

Para pesara dan bakal pesara telah dianugerahkan Sijil Penghargaan Persaraan, serta cenderahati bernilai

RM600.00 daripada IKMa. Koperasi Kakitangan IKMa, Kelab Sukan dan Sosial serta Badan Kebajikan Kakitangan Islam turut menghargai peranan dan penglibatan pesara dan bakal pesara dengan memberi cenderahati dalam bentuk wang tunai berjumlah keseluruhan sebanyak RM500.00.

Pihak pengurusan IKMa dan seluruh warga IKMa mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas perkhidmatan dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh para pesara dan bakal pesara. Semoga bahagia dan sihat dalam menempuh alam persaraan dengan penuh kesyukuran dan pengorbanan yang dicurahkan akan terus kekal menjadi amal bakti dan suri tauladan kepada kakitangan yang masih berkhidmat di IKMa.



Ketua Pengarah IKMa menyampaikan Sijil Penghargaan Persaraan kepada Encik Ramli bin Mohd Nor.



Ketua Pengarah IKMa menyampaikan Sijil Penghargaan Persaraan kepada Encik Halim bin Kandar.



Ketua Pengarah IKMa menyampaikan Sijil Penghargaan Persaraan kepada Cik Zailaha binti Hj. Muhamad Nor.



19 Ogos 2023



SAMBUTAN HARI ORANG ASAL DAN KARNIVAL USAHAWAN & KOPERASI ORANG ASAL PERAK 2023



07 September 2023



KUNJUNGAN HORMAT DARI MAJLIS EKONOMI HALAL (MEH) & KOPERASI MAJLIS EKONOMI HALAL SELANGOR BERHAD (MEHKOP)

Wawancara RADIO TERENGGANU
 Bersama **YBRS. PN. NORSYEIRAWANI BT SHARI**
 Pengerusi Jawatankuasa Institut Koperasi Malaysia Cawangan Kuala Terengganu
17 Ogos 2023
 10.30 pagi

Dengarkan Bual Bicara PERAK
 Untuk Kita Saja
YBRS. EN. MOHD ZAIB BIN MAT YUNUS
 Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan Negeri
YBRS. PUAN NUR FAEZA BINTI YAHYA
 Ketua Cawangan IEMA IPoh, PERAK
12 SEPTEMBER 2023 (SELASA)
 12.15 - 12.45 TENGAH HARI

Wawancara RADIO IKIM
 BERSAMA **YBRS. PUAN HAMIDAH BT. MOHD JOS**
 Timbalan Ketua Pengarah/Pengurus IEMA
30 OKTOBER 2023
 11.10 PAGI

WAWANCARA RADIO

18 September 2023



SESI LIBAT URUS DAN TAKLIMAT IKMa BERSAMA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

21 September 2023



KUNJUNGAN HORMAT PENERUSI IKMa KE PEJABAT PRESIDEN ANGKASA DAN PENERUSI COOP BANK PERTAMA

03 Oktober 2023



MAJLIS BACAAN IKRAR PELAJAR BAHARU UNIVERSITI KEUSAHAWANAN KOPERASI MALAYSIA SESI SEPTEMBER 2023/2024

05 Oktober 2023



KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH IKMa KE PEJABAT KETUA PESURUHJAYA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

05 Oktober 2023



KUNJUNGAN HORMAT IKMa KE PEJABAT PENERUSI KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA 2

08 Oktober 2023



POCKET TALK IKMa @ SDSI MADANI 2023

21 November 2023



INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI DUTA BESAR JORDAN KE MALAYSIA TYT DR. ISMAEL MAAYATH

24 November 2023



SAMBUTAN HARI INOVASI, KREATIVITI DAN INTEGRITI IKMa 2023



TRIMESTER BACHELOR PROGRAMME



The First Cooperative and Entrepreneurship University in Malaysia

Our Programmes

DURATION OF STUDY
• 3 YEARS 4 MONTHS



**BACHELOR OF BUSINESS ADMINISTRATION
(COOPERATIVE MANAGEMENT)
(HONOURS)**

(MQA/PA 16251)

CREDIT HOURS : 129



**BACHELOR OF BUSINESS ADMINISTRATION
(COOPERATIVE ENTREPRENEURSHIP)
(HONOURS)**

(MQA/PA 16219)

CREDIT HOURS : 132

Accredited by :



Excellence Cooperative Mindset

